

## BAB II

### BIOGRAFI MUḤAMMAD `ALĪ AL-ṢĀBŪNĪ DAN METODOLOGI *TAFSĪR ĀYĀT AL-AḤKĀM MIN AL-QURĀN*

Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī merupakan seorang ulama yang menghabiskan waktunya hanya untuk berkhidmat kepada agama Islam. Ini dibuktikan dengan karya-karyanya yang berkualiti, khususnya dalam bidang tafsir. Salah satu karyanya yang agung dan dibaca serta dijadikan rujukan banyak orang sehinggalah hari ini ialah *Tafsīr Āyāt Al-aḥkām min al-Qurān*.

Dalam bab kedua ini, penulis secara khusus membincangkan berkaitan biografi Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī selaku pengarang *Tafsīr Āyāt Al-aḥkām min al-Qurān* yang menjadi bahan kajian penulis. Perbincangan tersebut merangkumi latar belakang beliau, pendidikan, keilmuan dan karya-karyanya. Turut dibincangkan juga ialah metodologi yang diguna pakai beliau dalam menulis kitab tafsir ini.

#### 3.1 Riwayat Hidup dan Pendidikan

Nama sebenar beliau adalah Muḥammad `Alī bin Syekh Muḥammad Jamīl al-Ṣābūnī. Beliau dilahirkan di Bandar Aleppo,<sup>1</sup> Syria pada tahun 1930, dan berasal daripada sebuah keluarga pengembara. Ayahnya, Shaykh Jamīl adalah salah seseorang ulama senior yang dihormati di Aleppo. Beliau menerima pendidikan awal daripada kedua orang tuanya

---

<sup>1</sup> Aleppo adalah sebuah Bandar dan Provinsi di Syria utara. Pada mulanya ia bernama Beroea, dan ditukar kepada nama semitik asalnya iaitu Ḥalab. Ianya terletak diatas ketinggian 1,220 permukaan laut. Ia mempunyai keluasan 8,849 persegi. Aleppo merupakan pusat perdagangan yang terpenting, kerana terletak antara Eropa dan Persia. Tapi, ia mengalami kemerosotan selepas laluan ke Mesir menuju ke laut merah ditemui, dan akhirnya memutuskan ke Suez Canal. Harry S. Ashmore *et al.* (1962), *Encyclopedia Britania*, Vol I, US: University of Chicago, h. 557.

dalam bidang bahasa Arab, ilmu warīth dan ilmu-ilmu agama. Beliau juga telah berjaya menghafaz al-Quran semasa di *Kuttāb* lagi iaitu di Thanawiyah ketika umurnya masih muda.

Al-Ṣābūnī memulakan pelajaran sekolah formalnya di Madrasah Kebangsaan di Syiria. Setelah mendapat sijil, beliau melanjutkan pendidikan di *Ibtidaiyyah* dan Thanawiyah selama 1 tahun dalam bidang perdagangan. Akan tetapi, beliau masih merasa tidak berpuas hati, kerana metode pengajarannya yang menekankan kepada asas-asas mu`amalah, seperti yang dipraktikkan di bank-bank. Akhirnya, beliau berpindah ke sekolah Thanawiyah dalam bidang Shar`iyyah di Bandar Ḥalb.<sup>2</sup>

Pada peringkat ini beliau diajar subjek-subjek yang mengkombinasikan antara ilmu-ilmu syari`at dan ilmu-ilmu alam (*kawniyah*) yang juga dipelajari di Kementerian Ilmu Pengetahuan pada ketika itu. Subjek-subjek agama yang diajarkan adalah seperti tafsir, ḥadīth, fekah, usul, faraid dan semua mengenai `ulum-`ulum shari`at. Manakala ilmu *kawniyah* pula ialah seperti kimia, fizik, al-jabar, teknik, sejarah, geografi dan bahasa Inggeris. Subjek tersebut mencantumkan antara ilmu klasik dan moden sekali gus. Beliau lulus dari sekolah Thanawiyah al-Shari`yyah itu pada tahun 1949 M.

Ketika beliau selesai di Thanawiyah dengan cemerlang, Kementerian Waqaf Syiria mengutusnyanya ke Universiti al-Azhar dengan program Bea Siswa. Dan akhirnya beliau lulus dengan kepujian di Fakulti Shari`ah pada tahun 1952. Selepas itu, beliau melanjutkan pendidikan di peringkat Master di kampus yang sama dalam bidang *Takhassus al-Qadā' al-Shar`iyyah*, dan tamat pengajian pada tahun 1954. Pada ketika itu, sijil dalam bidang

---

<sup>2</sup> Dalam satu sejarah disebutkan, ianya dinamakan Ḥalb, kerana orang yang membangun pertama kalinya ialah Ḥalb bin Mahr bin Ḥays bin `Amlīq. Ibnu Ḥanbalī al-Ḥalbī (1988), *Al-Zabad wa al-Darab fī Tārīkh Ḥalb*, taḥqīq: Muhammad al-Tūḥī, Kuwayt: Jam`iyyat Ihya' al Tūrāth al-Islāmi, h. 16.

tersebut merupakan sijil peringkat tertinggi yang diiktiraf, dan ia merupakan sama taraf dengan peringkat Ph.D, dan al-Ṣābūnī memperoleh sijil berkenaan dengan cemerlang.<sup>3</sup> Setelah menyelesaikan studinya di Mesir, beliau kembali ke Syria dan mengajar di Thanawiyah Ḥalb al-Shuḥabā' dalam subjek Peradaban Islam, selama 7 tahun iaitu bermula dari tahun 1955 hingga 1962 M.

Pada tahun 2007, sebuah panitia internasional tentang al-Quran di negeri Dubai memberikan anugerah kepada Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī sebagai peribadi *`Ām al-Islāmiyah* yang ke 11, kerana perjuangannya yang luar biasa dan hebat serta terus-menerus dalam berkhidmat kepada agama Islam, dengan menghasilkan karya-karya yang hebat, terutamanya dalam tafsir al-Quran, seperti *Ṣafwat al-Tafāsir*, *Kunūz al-Sunnah* dan *Rawā'i al-Bayān fī Tafsīr Āyāt al-Aḥkām*.<sup>4</sup>

### 3.2 Guru-guru Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī

Al-Ṣābūnī merupakan seorang yang sangat mencintai ilmu pengetahuan dan beliau sering berjumpa dengan ulama-ulama yang agung untuk mendalami lagi ilmu-ilmu keagamaan. Banyak yang telah beliau pelajari daripada Shaykh di Syria.

Di antara guru-gurunya ialah:

- a. Shaykh Muḥammad Najīb Saraj.

---

<sup>3</sup> Universiti al-Azhar ditubuhkan pada dinasti Fatimiyyah. Ia termasuk univeristi paling tua di dunia, tidak hanya di dunia Islam, tapi juga di Eropa dan Amerika. Muḥammad Kamal al-Sayyid Muḥammad al-Mahāmī (1986), *Al-Azhār Jāmī'an wa Jami'atan*, Qāhirah: Al-Hay'at al-`Āmmah lishu'ūn al-Matābi' al-`Umairiyyah, h. 8.

<sup>4</sup> Penerimaan ḥafrah ini diterima buat kali pertama oleh Syekh Muḥammad Mutawālī al-Sha`rāwī dan diikuti beberapa ulama lain iaitu Dr. Zaghlūl al-Najjār dan Dr. Yusūf Qardāwī, termasuk pemimpin-pemimpin negara, seperti Syekh Zaid bin Sulton al-Naḥyan dan Dr. `Alī `Izzat Syekh Muḥammad. Lihat laman web: Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī; *Shakhsiyah al-`Ām al-Islāmiyah*, <http://www.asharqalawsat.com>, pada 27 Januari 2009.

- b. Shaykh Aḥmad al-Shimā’.
- c. Shaykh Muḥammad Sa’īd al-Idlābī.
- d. Shaykh Raghib al-Tabakh.
- e. Shaykh Muḥammad Khayātah (Ahli Qira’at).

### 3.3 Sifat dan Keperibadian

Beliau mempunyai keperibadian dan semangat yang tinggi, serta disiplin yang kuat dan berpengalaman luas dalam bidang yang diceburi. Aktiviti seharian beliau ialah mengajar di Masjid al-Haram di Mekah di samping berfatwa dalam beberapa musim, seperti seminggu sekali beliau mengajar ilmu tafsir di salah satu masjid di Madinah selama 8 tahun, sehingga menghabiskan 1/3 al-Quran. Beliau juga menghadiri lebih 600 pertemuan acara tafsir al-Quran secara langsung di Televisyen.

### 3.4 Aktiviti-aktiviti Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī

Kementerian Pendidikan Syiria mengutus al-Ṣābūnī sebagai *Visiting Professor* di kerajaan Arab Saudi untuk mengajar di Fakulti Shari’ah dan Tarbiyah di Universiti di Mekah selama 28 tahun. Banyak graduan sarjana di bawah penyeliaannya pada ketika itu.<sup>5</sup> Pada masa yang sama, beliau rajin melakukan perbincangan serta mengarang kitab, sehingga Universiti Ummul Qura’ memberikan kepercayaan untuknya mentahqīq kitab-kitab turath Islam secara ilmiah. Ini juga sebagai usaha menghidupkan kembali ilmu-ilmu klasik Islam, selain daripada karya-karyanya sendiri.

---

<sup>5</sup> Muhammad Nizar (2005), *Jilbab Dalam Perspektif al-Qur’ān (Studi komparatif pemikiran al-Ṭābārī dalam tafsir Jāmi’ al-Bayan dan pemikiran Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī dalam Tafsīr Rawā’i al-Bayan)*, Tesis, Surabaya: Pascasarjana IAIN Sunan Ampel, h. 47.

Beliau akhirnya mentahqīq salah satu karya agung iaitu tafsir “*Ma`ānī al-Qur’ān*” karya Imam Abī Ja`far al-Naḥḥās (w. 338 H),<sup>6</sup> dan beberapa naskhah lain yang sulit untuk dijumpai. Metode taḥqīqnya ialah menggunakan kitab-kitab marajī` iaitu kitab tafsir, lughat, ḥadīth dan beberapa kitab yang lain. Dan hasilnya ialah enam kitab juzuk yang dicetak atas label Universiti Ummul Qura’.

Selepas itu, beliau bertukar kerja sebagai penasihat di Akademi *I`jāz al-Ilmī* selama beberapa tahun dalam bidang al-Quran dan Sunnah. Dan seterusnya, beliau banyak menghabiskan masa untuk mengarang kitab-kitab dan membahas ilmu-ilmu keagamaan. Secara aqidah, beliau adalah bermazhab Ash`ari. Namun, beberapa karyanya tentang kalam Ash`ari mendapat kritikan dari para ulama, seperti Shaykh Safar Ḥiwālī, Shaykh Muḥammad Jamīl Zainu,<sup>7</sup> Shaykh Sa`ad Ṣallām, Shaykh Ṣaleh al-Fūzān dan Shaykh `Abd Allāh bin Jabārīn dan Shaykh Abū Bakar Zaid.

---

<sup>6</sup> Nama lengkapnya Abī Ja`far Aḥmad bin Muḥammad bin Ismā`īl bin Yūnus al-Marādī al-Naḥwī. Disebut al-Naḥḥās, kerana nisbat kepada orang yang menjual tembaga. Ia hidup pada akhir kurun ke 3 dan awal kurun ke 4. Beliau meninggal pada tahun 338 H, dan ada yang menyebutkan 337 H. Diperkatakan, beliau mempunyai 50 buah karya. Namun, ada empat karyanya yang dipersiapkan dengan sangat baik iaitu *I`rāb al-Qur’ān*, *al-Qat`u wa al-I`tināf*, *Ma`ānī al-Qur’ān* dan *Nāsikh wa al-Mansūkh*. Ada beberapa nama dengan *kunyah* ini, antaranya: Yahya bin `Ilm (Seorang raja dari kerajaan Mesir, khadam Ṣalāh al-Dīn al-Ayūbī, (m. 589 H ), Muḥammad bin Ibrāhīm bin Muḥammad bin al-Naḥḥās al-Ḥalbī (Seorang ulama keturunan Arab di Mesir. Ia mempunyai banyak karya, m. 698 H), dan Muḥammad bin Abī Bakar bin Ismā`īl bin al-Naḥḥās al-Dimshqī, m. 862 H). Imam al-Naḥḥās (1991), *Al-Nāsikh wa al-Mansūkh*, Taḥqīq: Dr. Sulaymān bin Ibrāhīm, Bāyrūt: Mu`assasah al-Risālah, h. 34.

<sup>7</sup> Beliau lahir di Bandar Ḥalb, Syria. Pada umur 10 tahun, beliau belajar di madrasah yang mengkhususkan kepada *qirā`at* dan *kitābah*. Selepas itu, ia memasuki sekolah *huffāz* selama 15 tahun, sehingga hafaz al-Quran. Kemudian, beliau belajar di sekolah menengah dengan kombinasi subjek-subjek agama dan umum. Di sekolah ini, beliau banyak membaca tentang ilmu tauhid, khususnya kitab *Ḥusn al-Ḥamīdiah*. Lihat laman web: <http://www.saaaid.net/feraq.htm>, pada 2 Feb 2009.

### 3.5 Keutamaan Muhammad `Alī al-Ṣābūnī

Berikut adalah ungkapan yang menceritakan tentang kealiman beliau dalam tafsir:

1. Mūḥammāḍ Bassām al-Astawānī, Dekan Fakulti Syariah dan Pengajian Islam di Universiti al-Malik `Abdul `Aziz, Mekah al-Mukarramah, berkata: “Beliau merupakan seseorang yang `alim dan kaya dengan pengetahuan dan ilmu-ilmu, ini kerana beliau telah banyak menghabiskan masa bersama al-Quran. Beliau menghafaz, mengkaji dan mengajarkannya”.<sup>8</sup>
2. `Abdul Ḥalīm Maḥmūd, Shaykh al-Azhar ketika memberi kata aluan di dalam kitab *Ṣafwat al-Tafāsīr* mengatakan: “Tidak syak lagi pengarangnya (al-Ṣābūnī) merupakan seseorang yang banyak pengetahuan di dalam memilih untuk mengarang tentang kitab-kitab tafsir yang mana beliau mempunyai ilmu yang cukup tentangnya”.<sup>9</sup>
3. Shaykh `Abd Allāh al-Khayyāt berkata: “Beliau adalah seorang ulama yang kegiatannya amat menonjol di dalam bidang ilmu dan pengetahuan. Beliau juga sering memanfaatkan kesempatan waktu yang ada untuk menghasilkan karya-karya yang bermutu tinggi”.<sup>10</sup>

### 3.6 Karya-karya Muhammad `Alī al-Ṣābūnī

Disebutkan bahawa karya beliau mencapai 40 naskhah. Dan beliau adalah salah satu ulama terpenting di zaman moden ini. Karya-karyanya dijadikan maraji` penting bagi setiap pelajar dan pembahas. Dan telah diterjemahkan ke dalam banyak bahasa seperti Turki, Inggeris, Parsi, Melayu dan banyak lagi. Sebahagian kitabnya ditulis ketika beliau sedang

---

<sup>8</sup> Muhammad `Alī al-Ṣābūnī (1981), *Mukhtaṣar Tafsīr Ibnu Kathīr*, j. I, c. 7, Bayrūt: Dār al-Quran, h. 3.

<sup>9</sup> *Ibid*, h. 2.

<sup>10</sup> *Ibid*, h. 6.

sibuk mengajar di Universiti dan sebahagiannya lagi, di saat beliau memperuntukkan sepenuh masanya untuk mengarang kitab, setelah beliau berhenti mengajar.

Berikut adalah beberapa karya beliau:

1. *Al-Nubuwwah wa al-Anbiyā'* (Kenabian dan Para Nabi).

Buku ini menceritakan tentang sejarah kenabian dan keistimewaan dakwah para Nabi. Beliau menulis bahawa semua dakwah para Nabi selalu mengajak menyembah kepada Tuhan yang Maha Esa. Mereka juga tidak menuntut apa-apa dari dakwahnya. Mereka adalah orang-orang yang ikhlas kerana Allah Ta'ala. Pada awalnya, buku ini adalah hasil *muḥāḍarah* beliau dalam subjek "*Tārīkh al-Anbiyā'*" di Fakulti Shari'ah di Mekah. Isi kitab ini berpandukan sepenuhnya kepada al-Quran, pakar-pakar tafsir yang diperakui dan kitab-kitab tarikh. Dan semua yang diperbincangkan beliau tidak menyalahi tuntunan akal. Beliau juga menghilangkan ceritera seputar *isrā'iliyyat*. Kitab ini pula mengandungi enam bab yang dibahagikan kepada beberapa tajuk. *Bab Pertama*, beliau membincangkan 9 tajuk, antaranya perbezaan Nabi dengan raja, Nabi dan Rasul, bahawa Nabi Muhammad adalah *sayid* para Nabi dan Rasul. *Bab Kedua*, membincang tentang keistimewaan dakwah para Nabi yang dibahagikan kepada 8 tajuk. *Bab Ketiga*, mengenai *'iṣmah* para Nabi, yang dibahagikan kepada 7 tajuk. Ketika beliau membincang *'iṣmah* Nabi Muhammad, beliau mengatakan bahawa Rasul telah *'iṣmah* sejak kecil lagi. Sedangkan untuk Nabi yang lain, terdapat perbezaan pandangan antara ulama, apakah ia dimulai sebelum atau sesudah kenabian atau *'iṣmah* dari dosa besar sahaja atau dosa besar dan kecil sekali gus. *Bab Keempat*, pula berkisarkan kisah para Nabi yang dibahagikan kepada 4 tajuk, seperti hikmah kisah para Nabi, tujuan kisah dalam al-Quran dan mengapa pula satu kisah diulang-ulang dalam al-Quran. Dan Bab

yang terakhir iaitu *Bab Keenam*, membicarakan tentang *ulūl `azmi*, yang dibahagikan kepada lima tajuk. Kitab ini sangat menarik untuk dibaca dan dipelajari, kerana berasaskan kepada hujah *naqliyah* dan *aqliyah*. Kitab ini diselesaikan oleh beliau dalam bulan Rejab pada tahun 1390 H.<sup>11</sup>

2. *Al-Tibyān fī `Ulūm al-Qur'ān*.

Buku ini membahaskan mengenai ilmu-ilmu yang berkaitan dengan al-Quran al-Karīm yang dikenali juga sebagai *`Ulūm al-Qur'ān*. Perbincangan di dalamnya melibatkan beberapa topik seperti definisi dan nama-nama al-Quran, ayat pertama dan terakhir diturunkan, sebab-sebab dan hikmat penurunan al-Quran, pengumpulan mushaf sejak zaman Rasulullah s.a.w sehinggalah zaman Khalifah al-Rāsyidīn serta kemukjizatannya. Selain menyebutkan jenis-jenis tafsir yang benar, pengarang turut mendedahkan ciri-ciri tafsir yang terseleweng, contoh-contoh ayat dan kitab-kitabnya. Di antara mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang dalam kitab ini ialah agar al-Quran dapat difahami sejajar dengan penjelasan Rasulullah s.a.w, para sahabat dan tabiin dengan bersandarkan kaedah-kaedah dan ilmu-ilmu yang diperlukan untuk mentafsir al-Quran.<sup>12</sup> Kitab ini adalah hasil *muḥādarah* beliau dalam subjek *`Ulūm al-Qur'ān* di Fakulti Shari'ah di Mekah. Kitab ini dicetak atas bantuan Sayid Hasan `Abbās Sharibtalī.

3. *Rawā'i al-Bayān Tafsīr Āyāt al-Aḥkām Min al-Qur'ān*.

Tafsir ini membahas hukum-hukum Islam dalam al-Quran. Tafsir ini dibahagikan kepada dua jilid. Pada jilid pertama mengandungi 40 tajuk kuliah dan pada jilid kedua

---

<sup>11</sup> Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī (1984), *Al-Nubuwwah wa al-Anbiyā'*, c. 2, al-Azhar: Dār al-Ḥadīth.

<sup>12</sup> Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī (1980), *Al-Tibyān fī `Ulūm al-Qur'ān*, c.3, (tp:t.t.p). Lihat juga Ensiklopedi Islam (2003), *Suplemen Jilid II*, Jakarta: PT. Ichtiyar Baru Van Hoeve, h. 257-258.

menghuraikan 30 tajuk. Ada tujuh aspek yang dibincangkan beliau dalam mentafsirkan ayat ahkam iaitu *asbāb al-nuzūl*, analisa kalimah, tafsir keseluruhan ayat, catatan-catatan menarik tentang ayat, hukum-hukum yang terkandung di dalamnya, pengajaran-pengajaran dari ayat dan hikmat pensyariatannya. Namun aspek *asbāb al-nuzūl* tidak dibincangkan secara keseluruhan, seperti dalam surah al-Fātiḥah. Dalam tafsir ini, al-Ṣābūnī menunjukkan perbezaan pandangan para ulama tafsir dan fuqaha, dan menjelaskan sebab-sebab terjadinya perbezaan tersebut. Di akhir penjelasan, beliau memberikan pandangan sendiri setelah melakukan analisis terhadap beberapa pandangan yang sedia ada.<sup>13</sup>

4. *Min Kanīz al-Sunnah; Dirāsah Adabiyyah wa Lughawīyyah min Ḥadīth Sharīf*

Kitab ini mengkaji tentang aspek-aspek kesusasteraan yang terdapat dalam ḥadīth. Terdapat 24 ḥadīth di dalam kitab ini. Metode yang diguna pakai penulis ialah dengan menulis tajuk ḥadīth, kemudian menyebutkan ḥadīth berkenaan, dengan menyebut rawi asal dan terakhir. Kitab ini menggunakan beberapa pendekatan dalam menjelaskan ḥadīth, iaitu 1) *al-Abḥāth al-ʿArabiyyah* (kajian kebahasaan), 2) *al-abḥāth al-balāghīyyah* (kajian balaghah), 3) *al-abḥāth al-naḥwīyah* (kajian struktur bahasa), 4) *al-taʿrīf bi rawī al-ḥadīth* (Kajian perawi ḥadīth). Pada topik ini, beliau hanya menyebut rawi sahabat sahaja dan membincangkan sedikit latar kehidupannya, seperti Abū Hurayrah, Abū Mūsā al-Ashʿarī dan al-Nuʿmān bin Baṣīr. Di sini, beliau menyebutkan

---

<sup>13</sup> Muḥammad ʿAlī al-Ṣābūnī (1972), *op.cit*, h. 11.

nama asal, gelaran, asal qabīlah. Dan yang terakhir adalah (5) *al-sharḥ al-adabī* (Penjelasan nilai-nilai sastera).<sup>14</sup>

5. *Al-Mawārīth fī al-Sharī'ah al-Islamiyyah `ala Daw` al-Kitāb wa al-Sunnah*

Kitab ini adalah kumpulan *muḥāḍarah* beliau di Fakulti Shari`ah di Mekah. Ada 10 *muḥāḍarah* dalam kitab ini. Perbincangannya meliputi ayat-ayat waris dalam al-Quran, definisi, syarat-syarat pewarisan dan sesiapa sahaja yang tidak dapat memperolehnya. Juga dibincangkan bahagian-bahagian, *aṣābah* dan jenis-jenisnya dan *dhawī al-arḥam*. Salah satu perbincangan yang menarik ialah bila salah seseorang *student*-nya mempertanyakan, mengapa perempuan dibahagi separuh dari lelaki dalam waris? Al-Ṣābūnī menjawabnya secara rasional, antaranya bahawa perempuan tidak dibebankan memberi nafkah kepada seseorang. Berbeza dengan lelaki yang harus memberi nafkah kepada keluarga dan kerabat-kerabatnya, lelaki juga harus menyerahkan mahar kepada perempuan, dan ia juga dibebani dengan harus memberi nafkah dalam bentuk tempat tinggal, makanan, pakaian kepada anak dan isteri. Kerana itu, lelaki lebih memerlukan harta dari perempuan. Isi kitab ini ringkas dan mudah difahami.<sup>15</sup>

6. *Tafsīr Sūrah al-Karīmah; Sūrah Yūsuf, al-Ra`du, Ibrāhīm.*

Karya ini ditulis sebelum ia mengarang *Masterpiece*-nya, *Ṣafwat al-Tafāsīr*, untuk memenuhi permintaan beberapa kaum Muslim.<sup>16</sup> Tiga surah tersebut dikumpulkan dalam satu buku. Isi kandungan buku itu menjelaskan kandungan setiap masing-masing surah,

---

<sup>14</sup> Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī (1980), *Min Kanūz al-Sunnah; Dirāsāt Adabiyyah wa Lughāwiyyah min Ḥadīth Syarīf*, Bayrūt: `Alīm al-Kutub.

<sup>15</sup> Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī (2002), *Al-Mawārīth fī al-Sharī'ah al-Islamiyyah `ala Daw` al-Kitāb wa al-Sunnah*, Qāhirah: Li al-Ṭabā`ah wa al-Nashr wa al-Tawzi`.

<sup>16</sup> Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī (1981), *Tafsīr Sūrah al-Karīmah; Sūrat Yūsuf, al-Ra`du, Ibrāhīm*, Bayrūt: Mu`assasah Manāḥil al-`Irfān.

*asbāb al-nuzūl*, makna lughat, tafsir, balagh, latīfah, tanbīh, munasabah dan faedah. Disebutkan bahawa surah Yūsuf diturunkan kepada Rasulullah setelah surah Hūd, dan di antara turunnya kedua-dua surah berkenaan telah terjadi cubaan dari kaum kafir terhadap beliau dan orang-orang mukmin, khususnya dengan pemergian dua orang yang selalu menjadi pembela dakwahnya iaitu Khadijah dan Abū Ṭālib, kemudian Allah menurunkan surah Yūsuf untuk menenangkan beliau dan memberitahukan tentang perjuangan Nabi sebelumnya.<sup>17</sup>

7. *I'jāz al-Bayān fī Suwār al-Qur'ān*

Kitab ini membincang i'jāz dalam surah-surah al-Quran, tujuan, dan cara peletakan cerita dalam surah, sama ada masalah ibadah, mu`amalah, tashri`, akhlak, kisah, akhbar atau selainnya yang semuanya mempunyai tujuan. Semua surah dalam al-Quran diperbincangkan oleh beliau secara ringkas dan padat.<sup>18</sup>

8. *Ṣafwat al-Tafāsīr*.

Kitab ini ialah tafsir yang berasaskan kepada al-Quran, ḥadīth dan athār. Kitab ini berpandukan kepada sumber-sumber yang berautoriti, seperti *Kitāb Tafṣīr al-Ṭabārī*, *al-Kashshāf*, *al-Qurṭubī*, *al-Alūsī* dan *Ibn Kathīr*, *Baḥr al-Muḥīṭ*, *Rūḥ al-Ma`āni* dengan menggunakan uslub yang mudah dengan penjelasan ilmu bayan dan bahasa. Penulis mengatakan dalam mukadimahnyanya bahawa kitab ini memadukan metode *ma`thūr* dan

---

<sup>17</sup> *Ibid*, h. 6.

<sup>18</sup> Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī (1979), *I'jāz fī Suwār al-Qur'ān*, (t.t.p); (t.p).

ma`qūl. Dalam kitab *Tafsīr Juz `amma*,<sup>19</sup> al-Ṣābūnī menyebutkan metode penulisan kitab ini;

- a. *Bayn Yaday al-Sūrah* (mengandung *khulāṣah* maksud-maksud asas pada ayat-ayat al-Quran).
- b. *Sabab al-Nuzūl* (penjelasan atas sebab-sebab diturunkannya suatu ayat).
- c. *Al-Munāṣabah* (menjelaskan tentang hubungan antara ayat-ayat sebelumnya dengan berikutnya).
- d. *Al-Lughah* (mengandung makna *ishtiḳāq* sebuah lafaz dalam pandangan ahli lughah).
- e. *Al-Tafsīr* (hanya menjelaskan tentang tafsir ayat sahaja tanpa menjelaskan aspek kei`raban dan qira`atnya).
- f. *Al-Balāghah* (menjelaskan aspek-aspek bayan dan balaghahnya).
- g. *Al-Fawā'id* (membincang tentang faedah-faedah yang berkaitan dengan ayat-ayat berkenaan).

Manakala keistimewaan tafsir ini ialah:

- a. Ianya adalah *khulāṣah* dari beberapa pandangan mufasir-mufasir yang masyhur.
- b. Menggunakan metode antara ma`thūr dan ma`qūl serta beberapa pandangan salaf dan khalaf.
- c. Mentarjih beberapa pendapat dari yang paling absah.
- d. Melakukan *taḥqiq* terhadap beberapa *salāsilah al-`ibārat*.<sup>20</sup>

---

<sup>19</sup> Kitab ini adalah pecahan asal pada juzuk 30 dari *Ṣafwat al-Tafsīr*, kerana permintaan dari pelajar dan masyarakat. Lihat Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī (t.t), *Tafsīr Juz `Amma; al-Juz al-Thalāthūn*, Jiddah: Mawsu`ah al-Ṭabā`ah wa al-Ṣiḥāfah wa al-Nashr, h. 4.

<sup>20</sup> Lihat Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī (2002), *Ṣafwat al-Tafsīr*, (t.t.p): Dār wa Maktabah al-Hilāl.

9. *Al-Hadyu al-Nabāwī al-Ṣahīḥ fī Salat al-Tarāwīḥ.*

Buku ini membincang tentang perbezaan jumlah solat tarawih, sama ada 20 atau 8 raka'at dan 3 witir. Pengarang memberikan jawapan atas beberapa masalah solat tarawih: (1) Nabi Muhammad s.a.w, sebenarnya tidak memberikan had jumlah raka'at tarawih. Bahkan, istilah *tarāwīḥ* dipopularkan oleh `Umar bin al-Khattāb – salah seseorang sahabat Nabi pada ketika itu yang memulakan solat tarawih dengan 23 raka'at, dengan imam Ubay bin Ka'ab. Hal ini bersumber kepada ḥadīth yang mengatakan: “*Jangan-jangan solat malam Ramadan ini diwajibkan kepada umatku nanti*”. (2) Ḥadīth yang diriwayatkan dari `Āishah, di mana Rasulullah berkata: “*Nabi Muhammad tidak pernah melebihi 11 raka'at, sama ada dalam bulan Ramadan atau di bulan yang lain*”. Al-Ṣābūnī mengatakan bahawa yang dilakukan Rasulullah tersebut ialah solat witir, di mana ia boleh dilakukan selain bulan Ramadan. Manakala solat tarawih hanya dapat dilakukan di bulan Ramadan sahaja. (3) Dalam kaedah usul fiqh disebutkan “*Mā kāna akthara fi`lan, kāna akthara faẓlan*” (Ibadah apa sahaja yang memerlukan banyak pekerjaan, akan banyak membawa keutamaan/pahala). Konsep ini juga disandarkan kepada ḥadīth yang juga diriwayatkan dari `Āishah “*Ajruki `ala Nasābiki*” (Pahala itu berdasarkan kepada kadar usahamu). Dengan demikian, pengarang lebih bersetuju untuk mengerjakan tarawih dengan lebih banyak, kerana ia mengandungi lebih banyak keutamaan. Beliau juga menolak pandangan bahawa tarawih dengan 20 raka'at adalah bid'ah.<sup>21</sup>

---

<sup>21</sup> Muḥammad `Ali al-Ṣābūnī (1999), *Petunjuk Nabi dan Pedoman Dalam Salat Tarawih 20 Raka'at*, Ali Makhtum Assalamy (terj), Jakarta: Muria Putra Pressindo.

10. *Ḥarakat al-Ardh wa Dawranuhā: Haqīqatun ‘Ilmiyyatun Athbātahā al-Qur’ān.*

Buku yang menjelaskan tentang *i’jāz* al-Quran dari sisi ilmiah yang berkaitan dengan astronomi. Beliau berpandangan bahawa tidak ada pertentangan antara pengetahuan Islam dengan penemuan ilmiah yang dihasilkan para ilmuwan. Al-Ṣābūnī menjelaskan penemuan-penemuan ilmiah dengan berasaskan teks-teks al-Quran, seperti fenomena gerak dan rotasi bumi, yang sebenarnya telah dijelaskan pada surah al-Anbiyā’ ayat 33:

{وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ كُلٌّ فِي فَلَكٍ يُسَبِّحُونَ}

*Maksudnya: Dan Dia-lah yang telah menciptakan siang dan malam, matahari dan bulan. Masing-masing itu beredar dalam garis edarnya.*

QS. Al-Anbiyā’ (21): 33.

Al-Ṣābūnī mengatakan bahawa ayat ini menunjukkan *ẓaraf zaman* (waktu), namun yang dimaksudkan adalah *maẓrūfnya* (subyek dari *ẓaraf*). Sama ada siang atau malam adalah waktu yang memerlukan tempat. Dan tempat yang menunjukkan adanya siang dan malam hanyalah di planet bumi iaitu bumi yang sedia kita duduki kini. Seandainya bumi ini tidak ada, maka tak ada cahaya dan gelap, dan tidak terjadinya siang dan malam. Siang dan malam muncul, kerana terbit dan terbenamnya matahari. Ini menunjukkan bahawa bumi, matahari dan bulan serta planet-planet yang lain masing-masing beredar di ruang angkasa. Demikianlah al-Ṣābūnī menjelaskan *mukjizat ilmi* al-Quran dengan mudah. Kadang ia menukil pandangan ulama, seperti Ibnu Kathīr.<sup>22</sup>

<sup>22</sup> Muḥammad ‘Alī al-Ṣābūnī (2003), *Ḥarakat al-Ardh wa Dawranuhā; Haqīqatun ‘Ilmiyyatun Athbātahā al-Qur’ān*, (t.t): Dār al-Kutub al-Islāmiyah.

11. *Qabas min Nūr al-Qur'ān; Dirāsah Taḥlīliyah Muwassa'ah bi Ahdāf wa Maqāsid al-Suwār al-Karīmah.*

Kitab ini ada lapan jilid. Kelebihan karya ini ialah melalui sistematik pentafsirannya yang fokus kepada kandungan makna dan tujuan dari beberapa ayat yang mempunyai tema yang sama, kemudian ia diperkaitkan dengan tajuk ayat sebelum atau sesudahnya, sehingga antara satu ayat dengan ayat yang lain mempunyai kaitan maksud yang sama.

Keutamaan lain, karya ini berasaskan kepada dalil-dalil ayat al-Quran, ḥadīth-ḥadīth ṣaḥīḥ, *qawl* sahabat dan beberapa tafsir mu'tabar, sama ada klasik atau kontemporari. Metode pentafsirannya mengikut urutan ayat dari al-Baqarah sehingga akhir. Pembahasannya dilakukan dengan mengumpulkan beberapa ayat al-Quran dalam satu makna, sehingga ianya disebut juga tafsir tematik. Metodenya secara umum sama dengan *Ṣafwat al-Tafāsīr*. Tafsir ini disusun dengan cara yang sederhana, mudah di baca dan difahami.<sup>23</sup>

12. *Al-Ibdā' al-Bayānī fī al-Quran al-'Aẓīm: fī al-Amthāl, wa-al-Tashbīh, wa-al-Tamthīl, wa-al-Isti'ārah, wa-al-Kināyah, maa al-Imta' bi-Rawāi al-Ibda'.*

Buku ini mengandungi penjelasan tentang badi', bayan, balaghah dan *fasāḥah* al-Quran. Dan ia merupakan salah satu keistimewaan dari beberapa mukjizat al-Quran yang mengandungi bahasa isti'ārah, tashbīh, kināyah, majāz dan amthāl. Sebelum penulis menjelaskan bentuk-bentuk bayan dalam al-Quran, terlebih dahulu beliau menjelaskan pengertian amthāl dan jenis-jenisnya, tashbīh dan jenis-jenisnya, perbezaan antara majāz, isti'ārah dan haqiqat dan kinayah. Namun, secara `amnya, beliau lebih banyak

---

<sup>23</sup> Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī (1406), *Qabas min Nūr al-Qur'ān*, Bayrūt: Dār al-Qalam.

membincangkan mengenai tajuk amthāl dalam surah-surah al-Quran dari pada yang lain.

Seperti dalam surah al-An`ām ayat 50:

{قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الْأَعْمَىٰ وَالْبَصِيرُ أَفَلَا تَتَفَكَّرُونَ}

*Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad), adakah sama antara orang yang buta dan yang melihat. Apakah kalian tidak berfikir?.*

Surah al-An`ām (6): 50

Ayat ini adalah perumpamaan antara orang mukmin dengan orang kafir serta orang yang mendapatkan petunjuk dengan yang tidak. Maksudnya, adakah sama antara orang kafir dengan orang mukmin? Orang yang sesat dengan yang mendapatkan petunjuk?. Amthāl yang paling banyak dijelaskan adalah dalam surah al-Baqarah, al-A`rāf, al-Tawbah dan Hūd. Karya ini diselesaikan penulisnya pada hari Khamis Bulan Ramadan pada tahun 1424 H di Masjid al-Haram. Awal penulisannya di mulai di Turki dan diselesaikan di Mekah al-Mukarramah.<sup>24</sup>

### 13. *Al-Tafsīr al-Wadīh al-Muyassar*

Sebuah kitab tafsir dengan koleksi ḥadīth-ḥadīth nabawi dengan menggabungkan antara ma`thūr dan ma`qūl, dengan *uslūb* yang mudah disertai *asbāb al-nuzūl*. Tafsir ini dibahagikan kepada dua juzuk. Juzuk pertama dimulai dari surah al-Fātiḥah sehingga al-Anbiyā'. Metode penulisannya ialah ayat-ayat al-Quran diletakkan di bahagian atas dalam satu kotak, dan pentafsirannya di bawah. Namun, ayat-ayat yang ditafsirkan ditulis kembali dengan warna merah, dan ini memudahkan pembaca membezakan antara

---

<sup>24</sup> Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī (2006), *Al-Ibda' al-Bayānī fī al-Qur'ān al-`Aẓīm*, Bayrūt: Maktabah al-`Aṣriyyah.

ayat dan tafsirannya.<sup>25</sup> Bahasanya sangat mudah, ringkas dan padat sehingga dapat difahami oleh semua golongan peringkat usia, seperti yang dikehendaki penulis kitab ini.

#### 14. *Al-Zawajj al-Islāmi al-Mubakkir Sa`ādatan wa Ḥasatanatan.*

Buku ini secara umumnya membincangkan tentang adab dan tata cara dalam melaksanakan *walīmat al-`ursh* keluarga yang ingin menjalani kehidupan seharian dengan berpandukan ajaran Islam, dan menyesuaikan dengan hukum-hukumnya.

Buku ini mengandungi sepuluh perbahasan: *Pertama*, perkahwinan dalam pandangan Islam dan hikmahnya. *Kedua*, menikah adalah fitrah manusia dan sunnah para Nabi dan Rasul. *Ketiga*, adab meminang, syarat dan hukum melihat wanita yang akan dilamar. *Keempat*, syarat sahnya akad nikah menurut syari`at Islam. *Kelima*, mahar sebagai *wasilah*, bukan tujuan. *Keenam*, hak suami-isteri dalam perundangan Islam. *Ketujuh*, mengumumkan dan menampakkan kegembiraan pada pesta perkahwinan, *Kelapan*, poligami dalam perundangan Islam dan hikmahnya. *Kesembilan*, langkah-langkah untuk menghindari retaknya hubungan suami-isteri: dan *Kesepuluh*, penghormatan Islam terhadap wanita. Menurut penulis, perkahwinan adalah proses alami untuk menjamin keberlangsungan hidup manusia di masa hadapan. Oleh kerana itu, kehidupan ini bergantung kepada hubungan antara kaum lelaki dan wanita. Allah memberi dorongan syahwat kepada setiap manusia dengan tujuan menyambung keturunan yang sedia ada. Seandainya, tiada dorongan seks, maka tidak ada seseorang pun yang hendak berkahwin. Allah Yang Maha Bijaksana menganugerahkan perasaan terhadap setiap insan di muka bumi ini, melalui perasaan wujudnya cinta, melalui cinta pula Allah mengikat dua insan

---

<sup>25</sup> Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī (2002), *Al-Tafsīr al-Wadīḥ al-Muyassar*, Dubai: Markaz Jumu`at al-Majid li al-Thaqāfah wa al-Turāth.

antara lelaki dan wanita dengan ikatan kasih sayang, agar kehidupan dan keturunan dapat berterusan. Maka, dalam pandangan Islam, perkahwinan adalah ibadah. Dengan niat yang ikhlas, berkemampuan, dan bertujuan untuk menjaga diri dari perbuatan zina maka orang mukmin yang melaksanakannya akan mendapat pahala.<sup>26</sup>

15. *Jarīmat al-Ribā Akhtar al-Jarā'im al-Dīniyyah wa al-Ijtimā'iyya*.

Buku yang bersaiz kecil dengan 104 muka surah, ditulis dalam beberapa tajuk dengan penjelasan yang singkat. Di muka surat depan, ada *tanbīh* dari penulis dengan menganjurkan setiap orang Muslim yang ingin selamat imannya agar membaca buku ini. Beberapa tajuk menarik yang ditulisnya, seperti *Limādha shubbiha al-murabbī bi al-majnūn? Dharar al-ribā min al-nāhiyah al-nafsiyyah, al-iqtisādiyyah, al-ijtimā'iyyah, al-Bunūk al-'alamiyyah biay al-yahūd*.<sup>27</sup> Mengutip ayat al-Quran, al-Ṣābūnī menjelaskan bahawa orang yang makan riba adalah seperti orang gila (kerana sentuhan syaitan). Mereka adalah orang-orang yang makan benda-benda haram, sehingga Allah memberatkan perutnya, mereka bangun kemudian jatuh, seperti keadaan orang gila. Itu adalah perumpamaan mereka di akhirat nanti.<sup>28</sup> Kemudian beliau juga menghukum orang yang makan riba sama dengan kafir, apabila ia mengetahui hukum keharamannya dan tidak bertaubat atau menghalalkannya, padahal jelas ia diharamkan oleh Allah.<sup>29</sup> Menurutny, ini adalah ijmak ulama bagi sesiapa sahaja yang mengharamkan sesuatu yang halal, seperti disebutkan dalam al-Quran. Allah berfirman dalam al-Quran:

---

<sup>26</sup> Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī (1996), *Pemikahan Dini Yang Islami*, Mashuri Ikhwanī (terj), Jakarta: Pustaka Amani.

<sup>27</sup> Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī (1997), *Jarīmat al-Ribā Akhtar al-Jarā'im al-Dīniyyah wa al-Ijtimā'iyya*, Damsḥīk: Dār al-Qalam.

<sup>28</sup> *Ibid*, h. 8.

<sup>29</sup> *Ibid*, h. 33.

{وَمَنْ عَادَ فَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ}

*Maksudnya: Sesiapa sahaja yang menentang (hukum Allah), mereka adalah golongan ahli neraka. Mereka akan kekal di dalamnya.*

Surah al-Baqarah (2): 275

16. *Tafsīr Jūz `Amma; al-Jūz al-Thalāthūn.*

Al-Ṣābūnī menjelaskan bahawa juzuk 30 al-Quran disebut surah al-Nabā' kerana ia mengandungi khabar ilham tentang kiamat, hari kebangkitan dan perbincangan tentang seputar ketetapan hari kebangkitan yang diingkari oleh orang-orang mushrik.<sup>30</sup> Urutan surah juzuk 30 menurut al-Ṣābūnī dimulakan dengan khabar tentang kiamat, kebangkitan dan hari pembalasan amal. Tajuk-tajuk ini yang menjadi perbincangan kaum mushrik, sehingga ada di antara mereka yang mempercayai dan mengingkari tentang hal tersebut. Selepas itu, Allah menunjukkan bukti atas kekuasaannya dengan menciptakan benda-benda yang ajaib. Dan dijelaskan juga bahawa hari berkenaan merupakan hari perpisahan antara semua hamba, di mana Allah mengumpulkan semua makhluknya dari awal hingga akhir untuk dihisab.<sup>31</sup>

17. *Shubuhāt wa Abātil ḥawl Ta`addud Zawjāt al-Rasūl*

Dalam buku ini, al-Ṣābūnī menolak pandangan bahawa Rasulullah berkahwin hanya untuk memenuhi hawa nafsunya. Beliau menjawab bahawa ianya dilakukan setelah Rasul melebihi umur 50 tahun (melebihi umur tua). Dan semua isterinya adalah janda kecuali `Āishah. Seandainya Rasul berkahwin hanya untuk tujuan bersenang-senang,

<sup>30</sup> Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī (t.t), *Tafsīr Jūz `Amma; al-Jūz al-Thalāthūn*, Mekah: (dicetak atas bantuan Syed `Abbās Sharabtalī).

<sup>31</sup> *Ibid*, h. 6.

nescaya ianya akan kahwin pada masa mudanya lagi, tidak pada masa tuanya, dan akan berkahwin hanya dengan para anak dara sahaja.<sup>32</sup>

Selain karya sendiri, beliau juga men-taḥqīq beberapa kitab iaitu:

1. *Kitab Mukhtaṣar Tafsīr al-Ṭabārī*.<sup>33</sup>
2. *Nikāḥ al-Mut`ah fī al-Islam Ḥarām*.<sup>34</sup>
3. *Mukhtaṣar Tafsīr Ibnu Kathīr*.<sup>35</sup>
4. *Al-Muqtatīf min `Uyūn al-Tafāsīr*.<sup>36</sup>
5. *Tanwīr al-Adhān min Tafsīr Rūḥ al-Bayān*.<sup>37</sup>
6. *Al-Muntaqa al-Mūkhtār min Kitāb al-Adhkar*.<sup>38</sup>

### 3.7 Kritik Terhadap Karya-karya Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī

Berikut ini beberapa kitab yang ditulis untuk mengkritik karya al-Ṣābūnī.

- a. Shaykh Ṣaleh al-Fūzān (Profesor di Universiti al-Imam dan ahli ulama-ulama besar semasa). Tajuk kitabnya "صَفْوَةُ التَّعَايِيرِ عَلَى كِتَابِ . مُلَاحَظَاتُ عَامَّةٍ عَلَى كِتَابِ". Dalam kitab ini, beliau menulis bahawa al-Ṣābūnī telah merujuk kepada kitab-kitab yang kurang dipercayai. Contohnya ialah *Talkhīṣ al-Bayān*, *al-Riḍā* (Shi`ah, Rafizah dan Muktaẓilah), *Tafsīr al-Zamakhsharī* (Muktaẓilah), *al-Rāzī*, *Abī al-Su`ūd*, *al-*

<sup>32</sup> Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī (1980), *Shubuhāt wa Abṭāl ḥawl Ta`addud Zawjāt al-Rasūl*, (t.t.p), (t.p)

<sup>33</sup> Abī Ja`far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabārī (1993), *Mukhtaṣar Tafsīr al-Ṭabārī al-musamma Jāmi` al-Bayan `an Ta`wīl ay al-Qur`ān*, ikhtisār wa taḥqīq: Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī, Qāhirah: Dār Ihyā' al-Turāth al-`Arābī.

<sup>34</sup> Muḥammad al-Ḥamīd (t.t), *Nikāḥ al-Mut`ah fī al-Islam Ḥarām*, Qāhirah: Lī al-Ṭabā`ah wa al-Nashr wa al-Tawzi`.

<sup>35</sup> Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī (1981), *Mukhtaṣar Tafsīr Ibnu Kathīr*, c. 7, Bayrūt: Dār al-Qur`ān al-Karīm.

<sup>36</sup> Mustafa al-Mansūrī (1997), *Al-Muqtatīf min `Uyūn al-Tafāsīr*, Qāhirah: Dār al-Salām.

<sup>37</sup> Ismā`īl Hafī al-Barūsawī (1989), *Tanwīr al-Adhān min Tafsīr Rūḥ al-Bayān*, taḥqīq: Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī, Damshīq: Dār Qalam.

<sup>38</sup> Muḥy al-Dīn bin Sharīf al-Nawāwī (1985), *Al-Muntaqa al-Mūkhtār min Kitāb al-Adhkar*, taḥqīq: Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī, Damshīq: Maktabah al-Gazālī.

*Ṣāwī*, *al-Baiḍāwī* dan sebahagian tafsir moden seperti Sayid Quṭb dan al-Qāsimī (Ash`ari). Beliau juga mentafsirkan al-Quran dengan banyak menggunakan *Isti`ārah* dan *Majāz*. Padahal al-Quran perlu ditafsirkan secara *haqīqat*. Beliau juga kerap menggunakan istilah balaghah yang sukar difahami banyak orang tanpa diberi penjelasan, seperti istilah *al-Ṭabaq*, *al-Jinās*, *Ishtiqaq*, *Iṣnāb* dan *al-Hadf*. Beliau juga banyak mendatangkan ḥadīth-ḥadīth *Asbāb al-Nuzūl* yang tidak dijelaskan status ḥadīthnya, sama ada ṣaḥīḥ atau tidak. Beliau juga mendatangkan penjelasan akidah versi muktazilah dan ash`ari, sehingga terjadi percampuran pemahaman dan menyulitkan bagi pemula.

- b. Shaykh Abū Bakar Zayd, dengan tajuk kitabnya التَّحْذِيرُ مِنْ مُخْتَصَرَاتِ مُحَمَّدٍ عَلِيٍّ

"الصَّابُؤِي فِي التَّفْسِيرِ".<sup>39</sup> Beberapa pengkritiknya menyebut bahawa nama *Ṣafwat al-*

*Tafāsīr* ialah salah dan menipu, kerana ia bermakna kesucian atau kebersihan dari beberapa kitab yang telah ia masukkan dalam kitabnya, seperti tafsir Ibnu Jarīr, Ibnu Kathīr, Zamakhsharī, Ṣāwī dan yang lain.<sup>40</sup> Beliau pula menyebut kisah kesalahan Injil Barnabas pada kisah Siti Maryam tanpa menyebut fakta sedikit pun.<sup>41</sup> Di kitab yang sama, al-Ṣābūnī menyebut bahawa Nabi Adam adalah Rasul, dan di muka surat lain, ia menyebut bahawa Adam adalah Nabi dan bukan Rasul. Dalam kitabnya *Al-Hadyu al-Nabawī al-Ṣaḥīḥ fī Salat al-Tarāwīḥ*", al-Ṣābūnī

<sup>39</sup> Abū Bakr Zaid (1410 H), *Al-Taḥdhīr min Mukhtaṣarāt Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī fī al-Tafāsīr*, c.2, Mekah: Dār Ibn al-Jawzī.

<sup>40</sup> *Ibid*, h. 10.

<sup>41</sup> Ia menyebut tersebut dalam kitabnya, "*Al-Nubuwwah wa al-Anbiyā*" dalam muka surat 7-10. Dalam kitab yang sama, al-Ṣābūnī juga menyebut bahawa kapal Nabi Nuh bersandar di Bayt al-`Atīq selama 40 hari. Ia pun menyebut hal itu tanpa dalil yang jelas. Ia juga menyebut bahawa umur Nabi Nuh adalah 1350 tahun, dan dimuka surat lain adalah 1780. Beliau juga tidak menyebutkan bukti dan fakta. *Ibid*, h. 18.

dengan menukil riwayat dari Ḥasan Baṣrī dengan perawi Ibnu Qudāmah dalam kitab al-Mughnī menyebut bahawa `Umar mengumpulkan orang-orang solat tarawih sebanyak 20 rakaat tanpa qunut. Padahal teks sebenarnya ialah 20 malam.<sup>42</sup> Kitab ini menyanggah semua kesalahan pandangan al-Ṣābūnī dalam beberapa kitabnya, seperti *Ṣafwat al-Tafāsīr*, *Al-Hadyu al-Nabawī al-Ṣaḥīḥ fī Ṣalat al-Tarāwīḥ*, *Nubuwwah wa al-Anbiyā'* dan yang lain.

- c. Shaykh Muḥammad bin `Abd al-Raḥman al-Maghrāwī (Ulama Magrib) dalam kitabnya "المفسرُونَ بَيِّنُ التَّأْوِيلِ وَالْإِثْبَاتِ فِي آيَاتِ الصِّفَاتِ". Karya ini dicetak tahun 1405 H. Beliau menyebut al-Ṣābūnī sebagai musuh *manhaj salafi* melalui tulisan dan ceramahnya. Sekalipun, ia penganut mazhab Ash`ari, namun dalam aspek pengertian sifat Allah, beliau lebih menggunakan *ta'wīl* dan kerap kali merujuk kepada Ibnu Taymiyyah.<sup>43</sup>

<sup>42</sup> *Athār* ini sebenarnya mursal, kerana Ḥasan Baṣrī yang meriwayatkan lahir tahun 21 H, manakala `Umar meninggal tahun 23 H. *Athār* ini ada di Sunan Abū Dawud nomor 1429. *Ibid*, h. 21. Berikut ini teks *athār* asalnya: {حدثنا شجاع بن مخلد: حدثنا هشيم: أخبرنا يونس بن عبيد عن الحسن: أن عمر بن الخطاب رضي الله عنه جمع الناس على أبي بن كعب فكان يصلي لهم عشرين ليلة، ولا يقنت بهم إلا في النصف الباقي. فإذا كانت العشر الأواخر تخلف فصلى في بيته، فكانوا يقولون: أبق أبي.

قال أبو داود: وهذا يدل على أن الذي ذكر في القنوت ليس بشئ وهذا الحديث يدلان على ضعف الحديث أبي، أن {النبي قنت في الوتر}. Lihat Ṣāleh `Abdul `Azīz (2000), *Mawṣu`ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sunnah*,

c.3, Riyād: Dār al-Salam Lī al-Nashr wa al-Tawzī', h. 1229-1230.

<sup>43</sup> Muḥammad bin `Abdul Raḥman al-Maghrāwī (2000) *Al-Mufasssīrūn Bayn al-Ta'wīl wa al-Ithbāth fī Āyāt al-Ṣifāt*, j.3, Lubnan: Al-Resalah Publishers, h. 1444. Namun, dalam sifat *istawā'*, al-Ṣābūnī menggunakan pentafsiran salaf, seperti yang digunakan Imam Mālik. *Ibid*, h. 1446.

d. Shaykh `Abdul `Azīz bin `Abd Allāh bin Bāz dan Ṣāleḥ bin Fūzān al-Fūzān

dalam kitabnya "تَنْبِيْهَاتٌ فِي الرَّدِّ عَلَى مَنْ تَأَوَّلَ الصِّفَاتِ".<sup>44</sup> Penulis menyebutkan

kesalahan al-Ṣābūnī yang mengatakan bahawa mazhab *Ahli al-Sunnah wa al-Jama`ah* terbahagi kepada dua iaitu salaf dan khalaf. Fahaman ini keliru, kerana sebenarnya ahli sunnah adalah satu sahaja iaitu mereka yang mengikuti sunnah Rasul dan sahabatnya serta mengakui *asma'* dan sifat-sifat Allah.<sup>45</sup>

e. Shaykh Ṣafar al-Ḥiwālī dalam kitabnya "مَنْهَاجُ الْأَشَاعِرَةِ فِي الْعَقِيدَةِ - تَعْقِيبٌ عَلَى

"مَقَالَاتِ الصَّابُونِيِّ". Ia dicetak tahun 1407 H.<sup>46</sup> Beliau menyatakan bahawa tulisan al-

Ṣābūnī tentang akidah salaf dan mazhab Ash`ari memerlukan pengetahuan asas yang kukuh bagi setiap orang yang hendak membincangkannya. *Manhaj*-nya juga jauh dari pembahasan ilmiah yang dipercaya dan logik.<sup>47</sup> Selain itu, al-Ṣābūnī telah menukil secara salah pandangan Ibnu Taymiyyah dengan menisbatkan kepadanya.<sup>48</sup>

<sup>44</sup> Buku ini secara khasnya menanggapi ulasan dan perdebatan mereka berdua dalam majalah *Al-Mujtama* dan majalah *al-Da'wah*. Namun, ia juga menyebut beberapa kekeliruan yang ditulis oleh al-Ṣābūnī tentang sifat Allah. Syekh `Abdul `Azīz bin `Abd Allāh bin Bāz, Ṣāleḥ bin Fūzān al-Fūzān (1405 H), *Tanbīhāt fī al-Radd `ala man Ta'awwala Ṣifāt*, Riyād: Al-Ri`āsah al-`Āmmah lī Idārāt al-Buhūth al-Ilmiyyah.

<sup>45</sup> Al-Ṣābūnī juga membahagi golongan salaf kepada dua iaitu *Ahl al-Tafwīd* dan *Ahl al-Ta'wīl*. Yang benar menurut penulis ialah mazhab salaf hanya ada satu iaitu mazhab Ahli Sunnah wa al Jama`ah. *Ibid*, h. 18.

<sup>46</sup> Kitab ini dicetak dari majalah *Al-Mujtama*, dari bilangan 627-632 dan 646 yang berisi perdebatan dua ulama iaitu Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī dan Syekh al-Fūzān tentang mazhab Ash`ari. Beliau perlu menulis buku ini, kerana mazhab Ash`ari merupakan kepakarannya, dan satu bahagian tajuk dari tesis Ph.D nya yang bertajuk *Zāhirah al-Irjā' fī al-Fikr al-Islāmī*. Syekh Ṣafar al-Ḥiwālī (1986), *Manhaj al-Ashārah fī al-Aqīdah - Ta`qīb `ala Maqālat al-Ṣābūnī*, Kuwayt: Dār al-Salafiyah.

<sup>47</sup> *Ibid*, h. 6.

<sup>48</sup> Ia mengatakan bahawa "الأشعرية أنصار أصول الدين والعلماء أنصار فروع الدين". Kalimat ini bukanlah *lughat* yang digunakan Syekh Islam, tetapi seseorang yang berfahaman Ash`ari iaitu Abū Muḥammad al-Juwaynī. Beliau telah merujuk kepada aqidah salaf di akhir hayatnya dan Syekh Islam telah menyaksikannya di beberapa tempat dan Ibnu Taymiyah juga telah menukilkan kalamnya tersebut kepada mazhab Jahmiyah dan mereka yang mengingkari *ṭarīqah* salaf. *Ibid*, h. 8-9.

f. Shaykh Muḥammad Jamil Zainu dalam kitabnya *تَنْبِيْهَاتُ هَامَّةٍ عَلَى كِتَابٍ " صَفْوَةٌ*

*التَّفَاسِيْر*. Kitab ini hanya 63 muka surah sahaja. Kitab ini mengandungi

kesalahan-kesalahan yang ditulis al-Ṣābūnī dalam kitabnya *Ṣafwat al-Tafāsīr* dan

*Mukhtaṣar Ibnu Jarīr al-Ṭābārī*.<sup>749</sup>

### 3.8 Pengenalan Karya

Nama penuh kitab ini ialah *Rawā'i al-Bayān Tafsīr Āyāt al-Ahkām min al-Qur'ān*. Mengandungi dua juzuk. Di muka surat hadapan, pengarang menulis bahawa kitab ini ialah tafsir khas yang membincang ayat-ayat hukum dengan merujuk kepada tafsir-tafsir klasik dan baharu dengan menggunakan *uslūb* yang baik dan metode yang sempurna dengan disertai dalil-dalil dari fuqahā' serta penjelasan *ḥikmah al-tashri'iyyah*.

Dalam cetakan yang ada di tangan penulis, kitab ini diberikan *taqdīm* oleh Syeikh `Abd Allāh al-Khayyāt, khatib Masjid al-Haram dan penasihat Kementerian *al-Ma`ārif* Saudi Arabia.<sup>50</sup> Dalam mukadimahnyanya, beliau memuji al-Ṣābūnī sebagai ulama yang rajin menghasilkan karya-karya yang bermutu, ilmiah dan bermanfaat. Dan kitab *Rawā'i al-Bayān Tafsīr Āyāt al-Ahkām min al-Qur'ān*, dianggap salah satu karya terbaik dalam bidang ini, kerana ia menggabungkan karya-karya klasik dari aspek kandungan dan pemikirannya dengan karya-karya moden dari aspek kemudahan *uslūb*-nya.<sup>51</sup>

<sup>49</sup> Muḥammad Jamīl Zainū (1986), *Tanbīhāt Hāmmat `Ala Kitāb Ṣafwat al-Tāfāsīr*, c.2, Buraydah: Maktabah Dār al-Bukhārī. Tajuk yang sama ditulis oleh Syekh Sa`ad Ṣallām, Syekh `Abd Allāh Jabārīn, dan Syekh Ṣaleh al-Fūzan.

<sup>50</sup> Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī (1972), *op.cit*, h. 5.

<sup>51</sup> *Ibid*, h. 6.

Di akhir perbahasan juzuk dua, al-Şābūnī menulis terima kasih dan penghargaan kepada dua orang. Pertama, ayahnya Muḥammad Jāmil al-Şābūnī yang telah memberikan banyak idea dan petunjuk serta meneliti dan men-*taṣḥīḥ* kitab ini. Kedua, Şaleh Ahmad Riḍa, yang telah membantu al-Şābūnī dalam men-*taṣḥīḥ* dan me-*murāja`ah* fasal demi fasal.

### 3.8.1 Faktor dan Sejarah Penulisan *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān*

Penulis tidak dapat menjumpai secara pasti mengapakah karya ini ditulis. Namun, dalam mukadimah kitab ini, secara tersirat dapat diketahui mengapa al-Şābūnī menulisnya iaitu untuk kepentingan agama dan umat Islam di dunia. Beliau mengatakan bahawa sebaik-baik manusia adalah mereka yang beramal soleh serta selalu berkhidmat dengan al-Quran. Kerana al-Quran adalah penerang agama, sinar kepada umat dan yang telah membimbing Rasulullah untuk memimpin umat ini.<sup>52</sup>

Kerana itu, al-Şābūnī berazam untuk menjadi di antara manusia yang mulia di sisi Allah. "Saya ingin seperti mereka - andaikan tidak dapat seperti mereka - semoga saya mendapatkan sedikit dari pahala mereka" tulis al-Şābūnī. Kerana itu pula, dengan alasan ingin berkhidmat kepada agama, beliau menulis beberapa kitab agar dapat memberikan manfaat kepada orang lain, kerana "Keyakinanku ini adalah sebahagian amal soleh yang akan terus mengalir apabila manusia mati" kata al-Şābūnī lagi dengan menukil Sabda Rasulullah s.a.w, yang bermaksud: "*Apabila ibnu Adam (manusia) meninggal dunia, semua amalnya akan terputus kecuali tiga perkara iaitu sadaqah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak salih yang*

---

<sup>52</sup> *Ibid*, h. 10.

*senantiasa berdoa".*<sup>53</sup>

### 3.8.2. Cetakan dan Terbitan Kitab *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān*

Ada beberapa cetakan tentang kitab ini yang dijumpai penulis, sehinggalah kitab ini diselidiki.<sup>54</sup>

- i. Diterbitkan *Dār al-Qalam*, Dimashq, cetakan I tahun 1990 M/1411 H.
- ii. Diterbitkan atas bantuan dari Sayyid Ḥasan `Abbās Sharibtalī (1980), Dimashq; Maktabat al-Ghazālī. Telah dicetak sebanyak tiga kali dengan *hard cover* berwarna hitam dengan *taqdīm* oleh `Abd Allāh Khayyāt.
- iii. Diterbitkan oleh Dār al-Qur'ān al-Karīm, Bayrut tahun 2004.
- iv. Diterbitkan oleh Dār al-Qur'ān al-Karīm, Mekah al-Mukarramah tahun 1972. Kitab inilah yang dijadikan rujukan penulis.
- v. Di terbitkan oleh Dār al-`Ilm al-`Arabiyyah, Ḥalb tahun 1996.
- vi. Diterbitkan di Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, Lubnan.
- vii. Diterbitkan di Dār al-Qalam, Bayrūt tahun 1971.

## 3.9 Metodologi dan Penyusunan *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān*

Menurut Najib Abdul Kadir, untuk mengetahui manhaj seorang mufassir dapat diketahui dengan dua cara; pertama, mufassir akan menjelaskan manhajnya dalam mukadimah tafsirnya serta menjelaskannya dalam beberapa tempat dalam tafsirnya, dan kedua

---

<sup>53</sup> *Ibid*, h. 10. Niat menulis kitab kerana semata-mata mencari rida Allah seperti yang dilakukan al-Ṣābūnī selalu dilakukan oleh ulama-ulama zaman dahulu. Mereka mengarang untuk kepentingan umat Islam dan untuk mencari reda Allah. Salah satunya adalah al-Suyūṭī. Lihat mukadimah karya beliau; Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (2003), *Al-Dhur al-Manzūr fi al-Tafsīr bi al-Ma`thūr*, taḥqīq: `Abd Allāh bin `Abd Allāh al-Turkī, Qāhirah: (t.t.p).

<sup>54</sup> Sekalipun kitab ini dicetak oleh beberapa penerbit, namun susunannya tetap sama iaitu juzuk satu dimulai dari surah al-Fāṭihah hingga al-Hājj, manakala juzuk dua dimulai dari surah al-Nūr hingga al-Muzammil. Dan semuanya juga diberi kata pengantar oleh `Abd Allāh al-Khayyāt.

memperhatikan syarat-syaratnya, qoidahnya dalam tafsir, kemudian menyelidiki manhajnya yang umum secara mendalam.<sup>55</sup>

Setelah melakukan penyelidikan mendalam, penulis mendapatkan bahawa al-Şābūnī telah menjelaskan metode umumnya di muka hadapan kitab, dan sebahagian lain, penulis mengkajinya secara mendalam dan teliti. Dan didapati bahawa metodologi penyusunan kitab ini dimulai dengan *taqdīm* dari `Abd Allāh al-Khayyāt, kemudian *taqdīm* dari penulis, kemudian *al-Muḥādar al-Ulā* dengan membincang surah al-Fātiḥah sebagai tajuk yang pertama dan baru kemudian penulis memulai dengan ayat al-aḥkām yang dimulai dengan perbahasan masalah sihir.

Berkaitan dengan kaedah penulisan dan penyusunan karya tafsir ini, secara keseluruhannya, pengkaji dapat menyatakan bahawa terdapat tiga pembahagian yang dilakukan al-Şābūnī dalam menulis dan menyusun kitab *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān*.

Dalam bahagian pertama, al-Şābūnī menulis potongan-potongan ayat ahkam daripada surah-surah tertentu dengan menulis tajuk di atasnya. Potongan itu terkadang hanya 3 sahaja, seperti masalah sihir dari surah al-Baqarah. Ruangan ini dapat memudahkan pembaca, kerana penulis menyertakan nombor ayat dan nama surah di bawahnya. Ini dapat mengelakkan pembaca tercari-cari nama surah bagi ayat-ayat yang sedang dibaca.

Bahagian yang kedua adalah bahagian yang utama iaitu penjelasan tentang ayat berkenaan dengan dimulai *tafsīr al-lafẓī*, makna *ijmalī* sehinggakan yang terakhir iaitu *ḥikmah*

---

<sup>55</sup> Najib Abdul Kadir, Dr (2008), *Muhammad Quraish Syihab; Manhajuhu wa Afkaruhu fī Tafsīr al-Miṣbah, Dirosah Taḥlīliyah Naqdiyyah*, Tesis, UIA, Fakulti Al-Ma`arif al-Waḥy Wa al-`Ulum Al-Insāniyah, h. 152.

*tashri'* (mengandung sepuluh metodologi yang disebutkan). Bahagian ketiga dan terakhir adalah bahagian nota kaki (*footnote*). Majoriti pada setiap muka surat, penulis merujuk kepada nota kaki, sama ada kitab tafsīr, ḥadīth atau *lughat* sehingga memudahkan pembaca dapat melihat kepada sumber asalnya. Dan sedikit sekali, muka surat yang tidak ada nota kakinya. Ini, dapat dipahami sebab kitab ini merupakan gabungan di antara beberapa tafsir sebelumnya, sama ada klasik atau moden.

### 3.9.1 Memulakan Perbahasan Dengan Pendahuluan

Dalam pendahuluan, pengarang menulis bahawa kitab ini adalah *khulāṣah* dari pandangan para ulama terkenal masa dahulu dan moden. Ianya mengandungi ulasan para pakar, sama ada ahli feqah, ḥadīth, bahasa, usul, tafsir, ahli istinbath dan ulama-ulama yang menulis tentang al-Quran al-Karim. Secara jujur, al-Ṣābūnī mengakui bahawa karyanya ini hanyalah sebuah gabungan atas karya-karya ulama tafsir masa dahulu dan moden.<sup>56</sup>

Al-Ṣābūnī memberi contoh, seperti seseorang yang melihat sebuah permata yang bertebaran di mana-mana, kemudian beliau mengumpulkannya dan menyusunnya dalam satu ikatan yang rapi atau seperti seseorang yang masuk dalam sebuah kebun orang kaya, di mana di dalamnya terdapat buah-buah yang bagus dan bunga-bunga yang menyejukkan pandangan, maka dia kemudian mengambil setiap satu-satu bunga tersebut dengan lembut, kemudian dikumpulkan dalam satu keranjang, sehingga semakin mempercantik bunga-bunga itu. "Demikianlah perumpamaan tentang kitab ini" tulis al-Ṣābūnī.<sup>57</sup>

Beliau menulis sekitar lima belas kitab utama tafsir sebagai rujukan utama dalam

---

<sup>56</sup> *Ibid*, h. 11.

<sup>57</sup> *Ibid*, h. 12.

menulis kitab ini selain dari kitab-kitab rujukan yang lain seperti kitab tentang bahasa atau hadīth.

### 3.9.2 Metodologi Penulisan dan Penyusunan Ayat-Ayat al-Quran

Berkaitan metodologi penulisan dan penyusunan ayat-ayat al-Quran, ia berada pada bahagian pertama, seperti mana dijelaskan pengkaji sebelum ini. Dalam kaedah ini, ayat-ayat al-Quran ditulis mengikut urutan awal surah yang dimulai daripada surah yang pertama iaitu al-Baqarah sehingga akhir. Hanya sahaja, tidak semua surah mengandungi ayat aḥkam. Dalam hitungan pengkaji, al-Ṣābūnī menulis 248 *Āyāt Aḥkām* dalam 21 surah dan dibahagikan kepada 70 tajuk, 40 tajuk dalam juzuk pertama, manakala 30 lagi ada pada juzuk kedua. Tajuk-tajuk ini disebut dengan *Muḥāḍarah*.<sup>58</sup> Di bawah ini adalah jadual lengkap ayat-ayat aḥkam dalam kitab *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān* karya Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī.

Jadual 1.0: *Ayat-Ayat al-Aḥkām Dalam Tafsīr Āyāt al-Aḥkām Min al-Qur'ān*  
Karya Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī.

| No | Ayat    | Surah      | Tajuk                                |
|----|---------|------------|--------------------------------------|
| 1. | 1-7     | Al-Fātiḥah | Hukum Membaca al-Fātiḥah Dalam Salat |
| 2. | 101-103 | Al-Baqarah | Pandangan Islam Tentang Sihir        |
|    | 106-108 |            | Nasakh Dalam al-Quran                |
|    | 142-145 |            | Menghadap Ka`bah Dalam Salat         |
|    | 158     |            | Sa`i di antara Safa dan Marwa        |
|    | 159-160 |            | Menyembunyikan Ilmu                  |
|    | 172-173 |            | Makanan-Makanan Yang Baik dan Buruk  |

<sup>58</sup> Secara keseluruhan, jumlah ayat-ayat aḥkam dalam al-Quran adalah 368 ayat atau 3 1/5 persen. Lihat Harun Nasution (1979), *Islam Ditinjau Dari Berbagai Aspeknya*, j.2, Jakarta: Universitas Indonesia, h. 8.

|    |         |            |                                                        |
|----|---------|------------|--------------------------------------------------------|
|    | 178-179 |            | Qīṣās                                                  |
|    | 183-187 |            | Puasa                                                  |
|    | 190-195 |            | Disyariatkannya Berperang Dalam Islam                  |
|    | 196-203 |            | Haji dan `Umrah                                        |
|    | 216-218 |            | Larangan Membunuh Dalam Bulan-bulan Haram              |
|    | 219-220 |            | Keharaman Khamar dan Judi                              |
|    | 221     |            | Keharaman Menikahi Perempuan Mushrik                   |
|    | 222-223 |            | Haid                                                   |
|    | 224-227 |            | Sumpah Ṭalak                                           |
|    | 228-331 |            | Kebolehan Talak Dalam Islam                            |
|    | 233     |            | Hukum Tentang Anak Susuan                              |
|    | 234     |            | Idah Bagi Isteri Yang Ditinggal Mati Suaminya          |
|    | 235-237 |            | Meminang Perempuan dan Hukum Mahar                     |
|    | 275-281 |            | Riba                                                   |
| 3. | 28-29   | Āli `Imrān | Larangan Menjadikan Orang Kafir Sebagai Pemimpin       |
|    | 96-97   |            | Kewajipan Haji Dalam Islam                             |
| 4. | 1-4     |            | Kehalalan Berkahwin Lebih Dari Satu Isteri             |
|    | 5-10    |            | Perlindungan Islam Terhadap Harta Anak Yatim           |
|    | 19-24   |            | Perempuan-Perempuan Yang Haram Dinikahi                |
|    | 34-36   | Al-Nisā'   | Peranan Hakim Dalam Menyelesaikan Masalah Suami Isteri |
|    | 43      |            | Keharaman Salat Ketika Mabuk dan Junub                 |
|    | 92-9    |            | Hukuman Bagi Orang Yang Melakukan Pembunuhan           |
|    | 101-107 |            | Salat Kerana Takut                                     |

|     |       |            |                                                                |
|-----|-------|------------|----------------------------------------------------------------|
| 5.  | 1-4   | Al-Mā'idah | Makanan-Makanan Yang Halal dan Haram                           |
|     | 5-6   |            | Wuduk dan Tayamum                                              |
|     | 33-40 |            | <i>Hudūd</i> Bagi Pencuri dan <i>Qat`u al-Ṭarīq</i>            |
|     | 89-92 |            | Kafarah Sumpah                                                 |
| 6.  | 17-18 | Al-Tawbah  | Memakmurkan Masjid                                             |
|     | 28-29 |            | Larangan Terhadap Orang-Orang Musyrik-Memasuki Masjid al-Haram |
| 7.  | 1-4   | Al-Anfāl   | Hukum Harta <i>Ghanīmah</i> Dalam Islam                        |
|     | 15-18 |            | Lari Dari Peperangan                                           |
|     | 41    |            | Pembahagian <i>Ghanīmah</i>                                    |
| 8.  | 36-37 | Al-Ḥājj    | Hadiah dan Qurban                                              |
| 9.  | 1-3   | Al-Nūr     | Zina                                                           |
|     | 4-5   |            | Larangan Menuduh Orang Berzina                                 |
|     | 6-10  |            | <i>Li`ān</i>                                                   |
|     | 22-26 |            | Sumpah Bohong                                                  |
|     | 27-30 |            | Adab Berziarah                                                 |
|     | 30-31 |            | Hijab                                                          |
|     | 32-34 |            | Kriteria Dalam Memilih Pasangan Hidup                          |
|     | 58-60 |            | Memohon Izin Untuk <i>Khalwat</i> Dengan Budak                 |
|     | 61    |            | Kebolehan Makan Daripada Rumah-Rumah Jiran                     |
| 10. | 16-21 | Luqmān     | Ta`at dan Berbuat Baik Kepada Orang tua                        |

|     |       |               |                                                   |
|-----|-------|---------------|---------------------------------------------------|
| 11. | 1-5   | Al-Ahzāb      | Adopsi Anak Dalam Konsep Jāhiliyah dan Islam      |
|     | 6     |               | Konsep Waris Kerana <i>Qarabat al-Raḥm</i>        |
|     | 49    |               | Talak Sebelum Disentuh                            |
|     | 50-52 |               | Hukum Perkahwinan Nabi                            |
|     | 52-53 |               | Adab <i>Walimat al-`Ursh</i>                      |
|     | 56-58 |               | Selawat Atas Nabi Muhammad SAW                    |
|     | 59    |               | Hijab Bagi Perempuan Muslimah                     |
| 12. | 10-14 | Al-Sabā'      | Hukum <i>al-Tamāthīl</i> dan Membuat Gambar       |
| 13. | 41-44 | Ṣad           | Pandangan Islam Tentang Tipu daya ( <i>Ḥayl</i> ) |
| 14. | 4-6   | Muḥammad      | Perang Menurut Islam                              |
|     | 33-35 |               | Meninggalkan Amal Baik                            |
| 15. | 6-10  | Al-Hujūrat    | Memberi Kepastian Tentang Sesuatu Khobar          |
| 16. | 75-87 | Al-Wāqī'ah    | Keharaman Menyentuh Mushaf                        |
| 17. | 1-4   | Al-Mujādalah  | Zihar dan Kafarah Dalam Islam                     |
|     | 11-14 |               | Mematuhi Panggilan Rasul                          |
| 18. | 11-13 | Al-Mumtahinah | Perkahwinan Antara Orang Islam dan Orang-Mushrik  |
| 19. | 9-11  | Al-Jumu`at    | Salat Jumaat dan Hukumnya                         |
| 20. | 1-3   | Al-Ṭalāq      | Hukum Ṭalak                                       |
|     | 4-7   |               | Hukum Idah                                        |
| 21. | 1-10  | Al-Muzammil   | Membaca al-Quran                                  |

### 3.9.3 Metodologi Penulisan dan Penyusunan Nota Kaki (*Footnote*)

Merujuk kepada bentuk dan metodologi penulisan dan penyusunan nota kaki (*footnote*), al-Ṣābūnī meletakkan dan mencatatkan nota kaki bagi menjelaskan beberapa sumber rujukan asal. Ianya tidak memberi penjelasan apa-apa. Nota kaki hanyalah dimaksudkan untuk menjelaskan kitab asal yang dirujuk, sama ada tafsir, ḥadīth, kamus dan lain-lain. Jadi, tidak ada komen apa-apa dalam rujukan kecuali sekadar menyebutkan nama kitab, penulis, juzuk dan muka surat.

Sebagai contohnya dalam memberikan makna lafaz terhadap makna *Maysir*, beliau menyebutkan:

"*Al-Maysir* ialah *al-qimār*, dari perkataan *al-yasar*, yang berati kemudahan, kerana perjudian adalah usaha tanpa kesulitan dan kesusahan atau perkataan itu berasal dari *al-yasar* (kekayaan), kerana perjudian adalah sebab kemudahan mencapai kekayaan....."<sup>59</sup>

Keterangan di atas, penulis memberikan nota kaki di bawahnya: "Lihat kitab *al-Kashshāf* karya al-Zamakhsharī juzuk I muka surat 198". Namun, dari semua rujukan dalam nota kaki, beberapa kitab dianggap sebagai rujukan utama dan paling banyak dinukil oleh al-Ṣābūnī, seperti dalam Jadual 2.0 di bawah.

---

<sup>59</sup> *Ibid*, h. 268.

Jadual 2.0: Rujukan-Rujukan Utama *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām Min al-Qur'ān*.

| No. | Nama Kitab                                        | Penulis                                    |
|-----|---------------------------------------------------|--------------------------------------------|
| 1.  | <i>Jāmi` al-Bayan fī Tafsīr al-Qur'ān</i>         | Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī               |
| 2.  | <i>Al-Dhur al-Manthūr fī al-Tafsīr al-Ma'thūr</i> | Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī                     |
| 3.  | <i>Al-Baḥr al-Muhīṭ</i>                           | Muḥammad bin Yūsuf bin - Hayān al-Andalusī |
| 4.  | <i>Al-Kashshāf</i>                                | Maḥmūd bin `Amr al - Zamakhsharī           |
| 5.  | <i>Tafsīr al-Qur'ān al- `Aẓīm</i>                 | Abū al-Fidā' Ismā'īl bin `Amr bin Kathīr   |
| 6.  | <i>Al-Jāmi` Li Aḥkām al-Qur'ān</i>                | Muḥammad bin Abī al-Qurṭubī                |
| 7.  | <i>Anwār al-Tanzīl</i>                            | `Abd Allāh al-Baidāwī                      |
| 8.  | <i>Madārik al-Tanzil wa Haqāiq al-Ta'wīl</i>      | `Abd Allāh bin Aḥmad al Nasafī             |
| 9.  | <i>Mafātiḥ al-Gayb</i>                            | Muḥammad bin `Amr al-Rāzī                  |
| 10. | <i>Irshād al- `Aql al-Salīm</i>                   | Muḥammad bin Muḥammad - Al-Ṭahāwī.         |
| 11. | <i>Al-Sirāj al-Munīr</i>                          | Muḥammad al-Sharbinī al-Khatīb             |
| 12. | <i>Lubāb al-Ta'wīl fī Ma`āni al-Tanzīl</i>        | `Abd Allāh bin Muḥammad                    |
| 13. | <i>Aḥkām al-Qur'ān</i>                            | Aḥmad bin `Alī al-Rāzī.                    |
| 14. | <i>Aḥkām al-Qur'ān li Ibn al-`Arabī</i>           | Muḥammad bin `Abd Allāh - al-Andalusī      |
| 15. | <i>Rūḥ al-Ma`ānī</i>                              | Maḥmūd bin Shukrī al-Alūsī                 |
| 16. | <i>Maḥāsīn al-Ta'wīl</i>                          | Jamāl al-Dīn al-Qāsimī                     |
| 17. | <i>Zād al-Masīr fī `Ilm al-Tafsīr</i>             | Abī al-Farj ibn al-Jawzī                   |
| 18. | <i>Fatḥ al-Bayān</i>                              | Saddīq Khān                                |
| 19. | <i>Fī Zilāl al-Qur'ān</i>                         | Sayyid Qutb                                |

Dan jika kita lihat dari semua rujukan kitab-kitab tersebut, al-Şābūnī telah konsisten dengan apa yang ditulisnya pada mukadimah bahawa karyanya ini menggabungkan antara kitab klasik dan moden. Kitab-kitab klasiknya ialah seperti *Jāmi` al-Bayān fī Tafsīr al-Qur'ān* dan *Tafsīr al-Qur'ān al-`Aẓīm*. Manakala kitab moden ialah seperti *Fī Zīlāl al-Qur'ān* dan *Fatḥ al-Bayān*. Selain itu, dengan menyebutkan sumber rujukan ini, jelas memperlihatkan bahawa al-Şābūnī melalui pengetahuan dan kemahirannya serta pemahamannya terhadap al-Quran berusaha menghasilkan karya tafsir tersebut dengan semua kemampuannya. Beliau tidak menghasilkan tafsir beliau dengan menggunakan akalanya kecuali memahaminya melalui rujukan terhadap karya-karya tafsir lain dalam mentafsir sesuatu ayat.

### **3.10 Metodologi Pentafsiran Muḥammad `Alī al-Şābūnī Dalam *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān***

Dalam kitab ini, al-Şābūnī hanyalah mengumpulkan *āyāt-āyāt al-aḥkām* sahaja dalam al-Quran. Dalam mukadimahnya, beliau memberitahu tentang sepuluh metode pentafsiran yang digunakan dalam kitab ini iaitu:

- a) Pentafsiran lafaz dengan menukil pandangan ulama-ulama tafsir dan pakar bahasa.
- b) Makna global ayat.
- c) Menjelaskan *sabab al-nuzūl* (untuk ayat yang ada *asbāb al-nuzūl* sahaja).
- d) Munasabah ayat.
- e) Penjelasan aspek *qirā'at al-mutawātirah*.
- f) Penjelasan aspek i'rab.
- g) *Latāif al-tafsīr* (mengandungi tentang rahsia ayat, aspek balaghah dan penjelasan ilmiah).

- h) Menerangkan tentang hukum-hukum dari ayat berkenaan disertai dalil-dalil ahli fuqahā', kemudian penulis melakukan tarjīh dengan dalil.
- i) Petunjuk dari ayat-ayat berkenaan.
- j) *Ḥikmat al-Tashrī'*.<sup>60</sup>

Untuk lebih memahami tentang metode keseluruhan yang diguna pakai beliau, penulis akan menjelaskan satu persatu setiap metode berkenaan.

### 3.10.1 Metode Pentafsiran Lafaz (*Al-Taḥlīl al-Lafzī*)

Pentafsiran lafaz dilakukan oleh al-Ṣābūnī untuk menjelaskan lafaz-lafaz utama dalam sesebuah *āyāt al-aḥkām*, sehingga ia memudahkan pembaca memahami tajuk berkenaan dan ayat secara keseluruhan. Pada umumnya, beliau akan menjelaskan asal sesebuah lafaz dengan menyelidiki perubahan lafaz (*saraf*), kemudian dijelaskan ertinya. Kerana itu, beliau banyak menukil dari kamus-kamus bahasa popular, seperti *Lisān al-`Arab*, *al-Saḥḥāh*, *al-Muḥīṭ*, *Tahdhīb al-Lughah*, *Taj al-`Arsh*. Dan salah satu kitab yang sering dirujuk juga adalah *Rūḥ al-Ma`ānī* karya al-Alūsī.

Salah satu contohnya ialah tajuk nombor 23 "Kewajipan haji dalam Islam" surah `Ali `Imrān ayat 96-97. al-Ṣābūnī menulis:

"*Hudan lil `Ālamīn*: *Hudan* masdar dengan erti (petunjuk). Ertinya bahawa rumah ini adalah sumber hidayah dan cahaya untuk semua makhluk. Dikatakan, ia bermakna pula bahawa Ka`bah itu adalah kiblat untuk semua orang yang menjadi petunjuk arah salat mereka".<sup>61</sup>

<sup>60</sup> *Ibid*, h. 11. Lihat juga Mu'ammal Hamidy (2003), *Terjemah Tafsir Ayat Ahkam As-Shobuni*, Surabaya: Bina Ilmu, h. xvii.

<sup>61</sup> *Ibid*, h. 406.

### 3.10.2 Metode Pentafsiran Dengan Makna Global (*Al-Ma`na al-Ijmalī*)

Maksud dari metode ini ialah perbahasan ringkas dari sesebuah ayat. Pada amnya, al-Ṣābūnī hanya menjelaskannya dalam satu muka surat sahaja, dan terkadang hanya satu dan dua perenggan sahaja. Metode ini merupakan pandangan dan pentafsiran beliau sendiri dengan cara *akliyah*.

Salah satu contohnya ialah seperti tajuk 33 "*Hudūd* bagi orang yang mencuri dan *qat`u al-sarīq*", al-Ṣābūnī menulis dalam perenggan yang kedua:

"Kemudian Allah Subhanahu Ta`ala memerintahkan orang-orang mukmin untuk bertakwa, *taqarrub* kepada-Nya dengan cara mentaati-Nya dan beramal dengan sesuatu yang diredai-Nya. Dan memerintahkan pula untuk berjihad untuk menegakkan agama-Nya supaya mereka mencapai derajat yang tinggi, sehingga menjadi orang-orang yang bahagia serta beruntung".<sup>62</sup>

### 3.10.3 Metode Pentafsiran Dengan *Sabāb al-Nuzūl*

*Asbāb al-Nuzūl* adalah sebab-sebab diturunkannya sesebuah ayat.<sup>63</sup> Sumbernya adalah ḥadīth Rasulullah atau āthār sahabat. Berkaitan dengan kitab ini, ia adalah *sabab nuzūl* dari semua *āyāt-āyāt al-aḥkām* dalam al-Quran. Namun, dari 248 ayat aḥkām dalam kitab ini, ada beberapa ayat yang tidak mempunyai *sabab al-nuzūl*, kerana itu al-Ṣābūnī tidak menulisnya. Tetapi, majoritinya setiap ayat aḥkām ada *sabab al-nuzūl*-nya.

Setiap *sabab al-nuzūl* yang disebutkan al-Ṣābūnī, dijelaskan kitab asal yang dijadikan rujukan. Jika *sabab al-nuzūl*-nya ada empat, maka beliau menyebut asal dari semua *sabab al-nuzūl* tersebut. Dan kitab-kitab yang dijadikan rujukan dalam *sabab al-nuzūl* ini ialah kitab-

---

<sup>62</sup> *Ibid*, h. 547

<sup>63</sup> Quraish Shihab berpendapat bahawa ayat-ayat al-Quran yang mempunyai sebab-sebab secara khusus (*sabab nuzūl*) bilangannya sedikit. Tujuannya ialah untuk merubah keadaan umat Nabi Muhammad dari situasi yang buruk kepada suasana yang lebih baik. Quraish Shihab (et.al) (2000), *Sejarah dan Ulum al Qur'an*, c. 2, Jakarta: Pustaka Firdaus, h. 77-78. Lihat juga Muḥammad `Abd al-`Azīm al-Zarqānī (t.t), *Manāhil `Irfān fī `Ulūm al-Qur`ān*, Mesir: Isa al-Bāby al-Ḥalaby, h. 106.

kitab tafsir yang mu'tabar, seperti tafsir Ibnu Kathir, al-Tabari, al-Qurtubi, Dhur al-Manthur, dan terkadang kitab hadis, seperti sahih al-Bukhari dan Muslim.

Salah satu contoh dalam judul "Kewajiban Puasa Kepada Kaum Muslim", dalam *sabab nuzul* kedua, al-Sabuni menulis:<sup>64</sup>

"Dan diriwayatkan dari Salamah bin al-Akwa' bahawasanya dia berkata: 'Ketika ayat ini turun {وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ}, sebahagian dari kami yang ingin berpuasa, maka akan berpuasa. Namun ada juga yang ingin berbuka, sehingga membatalkan puasanya dan melaksanakan perintah ayat di atas, sehinggalah turun ayat setelahnya untuk menasakh hukum berkenaan iaitu ayat .. {فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ}

Al-Sabuni seperti pada kebiasaannya, menyebut sumber rujukan *sabab al-nuzul* di atas iaitu kitab Dhur al-Manthur, hadis yang diriwayatkan al-Bukhari dan Muslim dari Salamah bin al-Akwa' juzuk I muka surat 177.

#### 3.10.4 Metode Pentafsiran Dari Pelbagai Aspek Qir'at

Dalam perbincangan ini, al-Sabuni lebih menekankan kepada aspek harakat atau *ta'srif al-kalimah*. Beliau menukil banyak pandangan ahli qiraat terhadap masalah berkenaan, seperti perbincangan tentang haid, beliau menulis:

"Jumhur ulama membaca {وَلَا تَقْرُؤُنَّ وَلَا يَطْهَرَنَّ} dengan men-sukun-kan *ta'* serta men-zammah-kan *ha'*, tetapi imam Hamzah dan Nas'i membacanya dengan men-shiddah-kan *ha* dan *ta* serta membariskan fathah keduanya. Manakala Imam al-Tabrani lebih mentarjihkan dengan men-shiddah-kan *ta*, dan ianya bermakna mandi".<sup>65</sup>

<sup>64</sup> Muhammad 'Ali al-Sabuni (1972), *op.cit*, h. 194.

<sup>65</sup> *Ibid*, h. 295.

Sebenarnya perbezaan bacaan seperti ini turut mempengaruhi perubahan erti. Al-Şābūnī melanjutkan tulisannya dengan menukil pandangan Imām Fakhr al-Rāzī.

"Imam Fakhr al-Rāzī berkata; sesiapa yang membacanya dengan *sukun*-kan *ta*, ianya bermakna 'hilangnya darah dari seorang perempuan ketika haidnya telah berhenti'. Ertinya; janganlah kamu mendekati perempuan-perempuan yang haid itu sehingga darahnya hilang. Dan sesiapa yang membacanya dengan *shiddah*, ia akan bermakna mandi".<sup>66</sup>

Dan pada metode pentafsiran qiraat ini, al-Şābūnī hanya sekadar menjelaskan beberapa pandangan ulama sahaja tanpa mentarjihkan beberapa pendapat yang sedia ada. Ertinya di sini, beliau tidak mempunyai pandangan sendiri dalam metode ini. Kemudian, dalam pemerhatian pengkaji, al-Şābūnī tidak selalu meletak metode ini dalam setiap ayat aḥkām. Namun, majoritinya, aspek ini ada dalam setiap ayat aḥkām yang disebutkan.

### 3.10.5 Metode Pentafsiran Dari Aspek I`rāb

Jika dalam perbahasan *wujūh al-qirā'at*, al-Şābūnī menjelaskan dalam konteks *şarraf*, maka dalam *wujūh al-i`rāb* ini, beliau menjelaskan dalam konteks nahu. Seperti dalam tajuk "Pemeliharaan Islam terhadap harta anak yatim", al-Şābūnī menulis:

"Pertama kali, Firman Allah Ta`āla {إِسْرَافًا وَبِدَارًا} *maḥḥūl li ajlih* dan boleh dii`rāb sebagai *ḥāl*, ertinya janganlah kamu makan harta anak yatim itu dengan melampaui batas serta jumlah yang banyak pada waktu mereka besar. Manakala firman Allah {أَنْ يَكْبُرُوا} adalah *maḥḥūl naṣab* dengan {وَبِدَارًا}. Kedua, firman Allah ta`āla {وَكَفَى بِاللّٰهِ حَسِيبًا}, *ba zāidah*, sedangkan *lafz al-jalālah fā'il*, dan {حَسِيبًا} *tamziy*. Ketiga, firman Allah Ta`āla {نَصِيبًا مَّفْرُوضًا} *naṣībān* dinasabkan kerana masdar, manakala *mafrudan* sifat bagi *naṣībān*".<sup>67</sup>

---

<sup>66</sup> *Ibid.*

<sup>67</sup> *Ibid*, h. 436.

Pada metode ini, ada dua ciri yang dapat disebutkan. Pertama, tidak semua kalimah atau kata dalam satu ayat aḥkām dijelaskan kedudukan nahunya. Beliau sekadar mengambil beberapa potongan kata sahaja yang berkaitan dengan topik berkenaan yang akan dibincangkan. Maka kata kunci dalam satu ayat aḥkām itulah yang dijelaskan oleh penulis. Ini tentu akan memudahkan pembaca dalam memahami setiap topik yang dimaksudkan dalam kitab ini.

Kedua, menunjukkan kepakarannya dalam bidang nahu. Hal ini, kerana al-Ṣābūnī tidak banyak menukil pandangan ulama. Semuanya lebih kepada pengetahuannya sendiri. Namun, ada juga beberapa kalimah, di mana beliau merujuk kepada kitab tertentu, seperti dalam tajuk "Berperang Dalam Bulan Haram", beliau menulis:

"Firman Allah Ta'āla { يَسْأَلُونَكَ عَنِ الشَّهْرِ الْحَرَامِ قِتَالٍ فِيهِ }, قِتَالٍ adalah *badal* dari الشَّهْرِ الْحَرَامِ iaitu *badal ishtimāl*. Ertinya; mereka bertanya tentang peperangan dalam bulan-bulan haram. Imam Kisā'i berkata: قِتَالٍ *dimakhfūẓkan* untuk pengulangan tentang peperangan tersebut."<sup>68</sup>

Kemudian, penulis menjelaskan sumber rujukan tersebut iaitu kitab *Wujūh al-I'rāb wa al-Qirā'at* karya Imam `Ankabari muka surat 92 dan kitab *al-Kashshāf* karya Imam Zamakhshari juzuk I muka surat 196.

### 3.10.6 Metode Pentafsiran Dengan *Laṭā'if al-Tafsīr*

Di antara beberapa perbahasan, metode ini ialah salah satu perbahasan yang panjang selain *hikmat al-tashrīf*. Dalam perbahasan ini, selain menuliskan pandangan-pandangan peribadinya, al-Ṣābūnī juga banyak menukil ḥadīth-ḥadīth Nabi dan juga āthār sahabat. Pada

---

<sup>68</sup> *Ibid*, h. 261.

aspek ini pula, beliau menjelaskan tentang rahsia-rahsia sebuah tafsir dari ayat berkenaan, seperti penjelasan beliau dalam tajuk "Mendekatkan diri kepada Allah dengan hadiah dan qurban".

Al-Ṣābūnī menulis:<sup>69</sup>

"*Al-Laṭīf al-Ulā*: Allah telah menjelaskan supaya kamu dapat menundukkan semua binatang-binatang untuk keperluan manusia. Ianya merupakan satu nikmat dari beberapa nikmat-Nya yang wajib kamu syukuri dan ini jelas disyariatkan kepada semua hambanya, seperti erti global dalam ayat { لَكُمْ فِيهَا خَيْرٌ }"

Beberapa ciri dari metode ini ialah, pertama, penulis akan membahagikan kepada beberapa *al-laṭāif*, seperti *al-laṭīfah al-ula*, *al-laṭīfah al-thānī*, *al-laṭīfah al-thāliyah* dan seterusnya, sehingga ada yang sampai ke enam. Kedua, dalam metode ini, penjelasan penulis agak panjang dan lengkap, sehingga memudahkan pembaca mengetahui rahsia-rahsia penting dalam sebuah ayat berkenaan.

Ketiga, metode ini adalah salah satu kelebihan penulis dalam menjelaskan rahsia sebuah ayat dari firman Allah. Namun, dalam ulasannya, beliau juga terkadang menukil ḥadīth-ḥadīth Nabi untuk membantu penjelasannya. Ini banyak kita jumpai dalam ulasan metode ini. Dan disebutkan juga rujukan ḥadīthnya.

Seperti dalam tajuk "Menikahi perempuan mushrik", al-Ṣābūnī menulis dalam *al-laṭīfah al-thānī*:

"*Al-laṭīfah al-thānī*, firman Allah { خَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكَةٍ وَلَوْ أَعْجَبَتْكُمْ }, *ishārah laṭīfah*-nya ialah bahawa seseorang perlu menjaga (lebih mengutamakan) perkahwinan kepada akhlak dan agamanya, bukan kepada kecantikan,

---

<sup>69</sup> *Ibid*, h. 613.

keturunan dan hartanya. Sepertimana sabda Rasulullah; "Janganlah kamu menikahi perempuan kerana kecantikan mereka, sebab kecantikannya akan rosak. Dan janganlah pula menikahi perempuan kerana hartanya, kerana ia akan membuat mereka sewenang-wenang atau sombong. Tapi, nikahilah mereka kerana agamanya. Bahawasanya seorang budak perempuan yang hitam, tapi mempunyai agama (akhlak) adalah lebih utama"<sup>70</sup>

Kemudian, al-Şābūnī menjelaskan rujukan ḥadīth di atas iaitu ḥadīth yang diriwayatkan oleh Ibnu Mājah dan Sa'īd bin Manşūr dari sahabat Ibnu `Umar.

### 3.10.7 Menjelaskan *al-Aḥkām al-Shar'iyyah*

Dalam topik ini, penulis menjelaskan kandungan utama sebuah hukum dari sesebuah ayat, kemudian beliau menyertai dengan pandangan beberapa ulama atau mazhab, seperti dalam tajuk "Safa dan Marwah". Al-Şābūnī menulis:

"Hukum pertama: apakah sa'i di antara Şafa dan Marwa adalah farḍu atau sunnat? Ahli feqah berbeza pandangan tentang hal tersebut *Pandangan pertama*, bahawasanya ia adalah termasuk rukun-rukun haji dan sesiapa yang meninggalkannya, maka hajinya menjadi batal. Ini adalah pandangan mazhab al-Shāfi'ī dan Maliki dan salah satu riwayat dari Imam Aḥmad. Ianya diriwayatkan dari Ibnu `Umar, Jābir dan `Āishah. *Pandangan kedua*, ianya adalah wajib, bukan rukun. Dan apabila ia ditinggalkan, maka ia akan dikenakan denda. Ini merupakan pendapat mazhab Abū Ḥanīfah dan Imam al-Thawrī. *Pandangan ketiga*, ianya adalah sunnah, dan tidak akan dikenakan denda bila ditinggalkan. Ini merupakan pandangan Ibnu `Abbās, Anas dan satu riwayat Imam Aḥmad...."<sup>71</sup>

Pada beberapa penjelasan, beliau sekadar menyebutkan beberapa pandangan ulama tanpa ada tarjīh. Namun, terkadang juga dilakukan tarjīh dalam perbezaan yang diperkatakan ulama, seperti dalam tajuk "Keharaman khamar". Al-Şābūnī menulis: "Dalam tajuk pertama; apakah khamr itu dan adakah ia nama bagi semua benda yang memabukkan?.

---

<sup>70</sup> *Ibid*, h. 286.

<sup>71</sup> *Ibid*, h. 139.

Kemudian, beliau menjelaskan pandangan ulama tentang perbezaan antara mereka, antaranya Abū Ḥanīfah, Mālik, al-Shāfiʿī dan Aḥmad berserta hujah dan dalil yang dikemukakan, termasuk ḥadīth Rasulullah. Al-Ṣābūnī membahaginya kepada dua hujah: hujah ulama Kūfah, yang termasuk di dalamnya adalah Abū Ḥanīfah kemudian hujah ulama jumhur.

Selepas itu, beliau melakukan tarjih dengan tajuk "al-Tarjīḥ". Al-Ṣābūnī menulis:

"Dan kami, apabila memikirkan tentang dalil dua fuqaha' – seperti yang disebutkan dan yang tidak disebutkan – kami berpendapat bahawa pandangan jumhur ulama dan ahli hijaz adalah yang lebih baik, yang mengatakan bahawa *khamr* adalah haram dan setiap yang memabukkan disebut *khamr* seperti yang diperkatakan sahabat `Umar. Alasannya, kerana sahabat apabila mendengar tentang keharaman *khamr*, mereka memahaminya juga sebagai pengharaman atas arak, sebab mereka adalah generasi yang paling mengetahui bahasa Arab dan maksud pembuat shari`at. Dan sesungguhnya telah dipastikan dalam sunnah tentang keharaman setiap benda yang memabukkan....."<sup>72</sup>

### 3.10.8 Menjelaskan Petunjuk dan Kandungan Ayat

Dalam perbahasan ini, al-Ṣābūnī hanyalah menjelaskan tentang sebuah kesimpulan dan petunjuk hukum dari ayat berkenaan. Kerana itu, beliau membahagikannya kepada banyak nombor, seperti dalam tajuk "Idah", beliau menulis:

"*Pertama*, idah wajib kepada perempuan yang ditalak, sama ada ia boleh rujuk atau talak tiga untuk mengetahui kebebasan (keadaan) rahimnya. *Kedua*, haram menyimpan kehamilan dalam rahim dan wajib memberikan khabar yang di percaya tentang idah. *Ketiga*, suami lebih berhak terhadap isterinya yang ditalak untuk kembali selama idahnya belum berakhir. *Keempat*, lelaki dan perempuan mempunyai hak dan kewajiban yang sama....."<sup>73</sup>

Beberapa ciri dari metode ini ialah, pertama, dalam penjelasannya, penulis akan membahagikan kepada *awwalan*, *thāniyan*, *thālithan*, *rābi`an* dan seterusnya. Kedua, pada

---

<sup>72</sup> *Ibid*, h. 279.

<sup>73</sup> *Ibid*, h. 343.

kebiasaannya, ulasannya tidak panjang, tapi pendek dan singkat sahaja. Ketiga, penjelasan ini juga murni pandangan peribadi al-Ṣābūnī sendiri.

### 3.10.9 Akhiri Perbahasan Dengan *Hikmat al-Tashrīʿ*

Di antara metode pentafsiran dalam kitab ini, *Hikmat al-Tashrīʿ* adalah sebahagian topik yang menarik. Di bahagian kanan atas, al-Ṣābūnī menulis *Khāṭimat al-Baḥṡ*, yang bermaksud bahawa itu merupakan penjelasan terakhir seluruh metode yang ditulis beliau. Ianya merupakan penjelasan terhadap hikmah sesebuah ayat, dan juga merupakan pandangan peribadi penulis sendiri. Sehingga, dalam topik ini sedikit sekali dijumpai nota kaki kecuali beberapa perkara sahaja, seperti nukilan ḥadīth.

Contoh *Hikmat al-Tashrīʿ* dalam tajuk 'Keharaman *Khamr* dan Judi'. Al-Ṣābūnī menulis:

"Allah mengharamkan *khamr* dan judi, kerana keduanya mengandungi sesuatu yang membahayakan dan *mafsadah* yang banyak serta dosa-dosa yang akan timbul disebabkan keduanya sama ada kepada jiwa, badan, akal atau harta. Sebahagian dari bahaya *khamr* adalah menyebabkan hilangnya akal, sehingga orang yang meminumnya nampak seperti orang gila, merosak kesehatannya, sehingga orang yang meminumnya nampak seperti orang gila.....".<sup>74</sup>

Namun, ada beberapa ayat yang tidak ada *Hikmat al-Tashrīʿ*nya. Al-Ṣābūnī sekadar mengakhiri perbahasannya dengan petunjuk-petunjuk ayat berkenaan, seperti tajuk 'Larangan Berperang di Bulan-Bulan Haram, larangan menikahi perempuan mushrik, perlindungan Islam terhadap harta anak yatim dan sebagainya. Ciri-ciri dari metode ini ialah, pertama, penjelasannya panjang dengan menggunakan beberapa perenggan. Kedua, ia juga merupakan pandangan peribadi penulis sendiri.

---

<sup>74</sup> *Ibid*, h. 281.

### **3.11 KELEBIHAN DAN KEKURANGAN *TAFSĪR ĀYĀT AL-AḤKĀM MIN AL-QUR'ĀN***

Seterusnya berdasarkan kepada keseluruhan kandungan dalam *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān* karya Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī tersebut, di atas keterbatasan ilmu dan sedikit pengalaman yang ada, pengkaji akan mendedahkan beberapa kelebihan dan kekurangan tafsir ini secara umum.

#### **3.11.1 Kelebihan *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān***

Pertama, karya *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān* ini adalah sebuah karya yang mudah difahami. Penulisnya menggunakan bahasa yang mudah dan berusaha mengelakkan daripada mengemukakan bahasa yang rumit dan sukar difahami. Memandangkan sasaran beliau adalah pembaca daripada kalangan masyarakat umum dengan pelbagai lapisan masyarakat dan taraf pendidikan, penggunaan bahasa yang tepat adalah sangat perlu dititikberatkan. Jadi, bagi pembaca yang mempunyai kemahiran membaca bahasa arab, maka sangat mudah sekali memahami karya Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī tersebut.

Kedua, pendekatan beliau dalam mentafsirkan ayat-ayat aḥkam dengan menggunakan sepuluh metodologi yang digunakannya merupakan satu keistimewaan dalam tafsir ini. Satu topik ayat aḥkam diterangkan makna dan maksudnya dari segala aspeknya, sama ada dari sudut bahasa, tafsir, sebab turunnya ayat, rahsia-rahsia ayat dan masalah hukum yang ada di dalamnya secara jelas. Penulis juga menggunakan rujukan kitab-kitab mu`tabar serta menukil banyak pandangan ulama, sehingga kitab ini sangat dinikmati untuk dibaca.

Ketiga, susunan dan persembahan karya tersebut adalah menarik. Al-Ṣābūnī membentangkan sebuah ayat aḥkam dengan didahului satu tajuk di atasnya, kemudian di bawahnya dijelaskan surah dan ayatnya. Selepas itu, beliau menulis sepuluh tajuk untuk dijelaskan satu persatu secara terperinci dan jelas. Susunan ini, banyak memberi kemudahan kepada para pembaca dalam meneliti dan memahami ayat tersebut.

Keempat, karya tafsir ini adalah salah satu karya tafsir yang menggunakan metodologi yang terbaik dalam mentafsir ayat-ayat al-Quran iaitu *Tafsīr bi al-Ma`thūr*. Selain juga memiliki nota kaki yang lengkap.

Kelima, dalam tajuk *al-aḥkām al-shar`iyyah* banyak topik-topik yang dibincangkan, sehingga menarik untuk dibaca. Dalam menjelaskan masalah-masalah hukum tersebut, penulis banyak menukil pandangan para mazhab dan ulama dengan mengemukakan hujah-hujah mereka, sama ada naqliyah atau aqliyah. Di akhir penjelasannya, penulis akan merujuk kepada salah satu pandangan mereka untuk melakukan *tarjīḥ*. Selain itu, penulisnya juga tidak fanatik kepada satu mazhab atau ulama tertentu sahaja. Sehingga, sebagai tafsir yang beraliran feqah, karya ini sangat baik untuk dibaca, difahami, dikaji dan dijadikan rujukan masyarakat.

### **3.11.2 Kekurangan *Tafsīr Ayāt al-Aḥkām min al-Qurān***

Pertama, penulis banyak menukil ḥadīth-ḥadīth sebagai rujukan, namun tidak disertai sanad yang lengkap. Bahkan, dalam pemerhatian pengkaji, tidak satu pun ḥadīth dalam kitab ini yang memiliki sanad yang lengkap. Kekurangannya juga, di antara ḥadīth-ḥadīth tersebut tidak dijelaskan statusnya, sama ada *ṣaḥīḥ* atau *ḍa`īf*.

Kedua, dalam kitab ini, penulis hanya sekadar menyenaraikan 248 *Ayat al-Aḥkām* dalam 21 surah dan dibahagikan kepada 70 tajuk, 40 tajuk dalam juzuk pertama, manakala 30 lagi ada pada juzuk kedua. Padahal ayat aḥkam yang sebenarnya dalam al-Quran adalah 368 ayat atau 3 1/5 % dari keseluruhan ayat al-Quran.<sup>75</sup> Ini berati, ada beberapa tajuk ayat aḥkam lagi yang tidak di bincang oleh beliau.

### **3.12 Ideologi Pentafsiran Muhammad `Alī al-Ṣābūnī**

Maksud ideologi di sini ialah kecondongan al-Ṣābūnī dalam sesebuah pemikiran. Dan penulis berusaha meneliti dua aspek pemikiran beliau iaitu dalam tafsir dan feqah. Alasannya, kerana kajian ini bertumpu kepada karya beliau *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān*, di mana kitab ini merupakan karya tafsir yang memfokuskan kepada persoalan feqah, maka penulis berusaha menyelidiki kecondongan beliau dalam dua pemikiran tersebut.

#### **3.12.1 Aliran Dalam Tafsir**

Quraish Shihab membahagikan corak tafsir kepada dua bahagian iaitu ma'thūr dan ma`qūl. Ma`thur ialah corak tafsir yang menekankan kepada riwayat, sama ada dari Rasulullah atau sahabat dan memberi ruang yang sedikit kepada akal, seperti tafsir al-Ṭabārī. Manakala corak tafsir ma`qūl ialah tafsiran yang lebih banyak memberikan ruang kepada akal dan sedikit menggunakan riwayat, seperti tafsir al-Manār.<sup>76</sup>

---

<sup>75</sup> Sila rujuk Bab II, muka surat 51.

<sup>76</sup> Kedua-dua metode ini memiliki kelebihan dan kekurangan. Quraish Shihab (1999), *Membumikan al-Qur'ān*, c. XIX, Bandung; Mizan, h. 83. Namun, dalam pentafsiran *bi al-ma`qūl*, perbezaan antara satu mufasir dengan yang lainnya lebih besar, kerana mereka lebih menggunakan pemikiran. Kerana itu, beberapa ulama menolak pentafsiran dengan corak ini dan menyebutnya *tafsīr bi al-hawa*. Namun, banyak juga ulama yang menerima tafsir corak ini dengan syarat-syarat tertentu. Lihat Shubhi al-Salih (1977), *Mabāḥiṭh fī `Ulūm al-Qur'ān*, Bayrūt: Dār al-`Ilm li al-Malāyīn, h. 292.

Berkaitan dengan hal tersebut, maka dalam pandangan pengkaji setelah melihat beberapa metode al-Ṣābūnī dalam kitab ini, maka sebenarnya beliau sama-sama mengambil berat aspek ma'thūr dan ma'qūl dalam sebuah pentafsiran. Beliau sangat memperhatikan pentafsiran menggunakan ḥadīth-ḥadīth Nabi dan *qawl* sahabat. Tetapi, beliau juga sering kali menggunakan akal, seperti terlihat dalam perbahasan *ḥikmat al-Tashrī'*, makna global dan petunjuk ayat. Namun, dalam banyak ulasannya, beliau sangat memperhatikan tafsiran dengan menukil ḥadīth Nabi dan athar sahabat, seperti *sabab al-nuzūl*, *laṭā'if al-tafsīr*, *al-aḥkām al-shar'īyyah* dan *wujūh al-qirā'at*.

Kerana itu, walaupun beliau merupakan ulama dan mufassir moden, beliau adalah seorang yang moderat. Beliau berimbang dalam menggunakan hujah naqliyah dan akliyah. Maka, apabila kita membaca kitab ini, kita dapati pemikiran-pemikiran al-Ṣābūnī sangat mudah difahami dan tidak ada yang bertentangan dengan dalil-dalil al-Quran.

### 3.12.2 Aliran Dalam Feqah

Dengan menulis kitab *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān* ini, secara tidak langsung, al-Ṣābūnī hendak menunjukkan bahawa al-Quran tidak hanya mengandungi akidah tetapi juga shari'ah yang di dalamnya terdapat hukum tentang ibadah, sosial dan kemasyarakatan. Atau dalam erti kata, beliau telah menghimpun secara keseluruhan bentuk-bentuk ibadah *maḥḍah* (ibadah utama) dan *ghayr al-maḥḍah* (ibadah sosial). Dan sepertinya beliau ingin menganjurkan kepada setiap muslim untuk mengambil berat kepada aspek ibadah ini, termasuk dalam ibadah sosial. Kerana, seperti dijelaskan Ibnu Khaldun, al-Mawardi dan al-Ghazālī bahawa manusia adalah makhluk sosial yang memiliki ketergantungan satu sama

lain.<sup>77</sup> Maka dari itu, perlu kerja sama antar manusia dalam setiap hubungan seperti dalam jual beli, sewa-menyewa, kerja sama perdagangan atau hutang.

Kemudian, dalam pandangan pengkaji tentang kitab ini, al-Şābūnī tidak fanatik kepada satu mazhab tertentu, kerana beliau mentafsirkan ayat-ayat feqah dengan menukil banyak mazhab berlainan, kemudian beliau sendiri melakukan tarjih dengan menggunakan pandangan peribadi beliau. Dalam tarjih itu, sering kali, beliau berpegang kepada pandangan jumhur ulama.

Selain itu, beliau juga berfahaman ahli sunnah wa al jama`ah. Ini kerana pandangan feqahnya sesuai dengan dalil-dalil al-Quran dan hadīth, selain rujukan-rujukan kitabnya adalah para mufassir ahli sunnah. Namun, dalam beberapa ulasan perbalahan tentang pandangan mazhab, beliau lebih banyak setuju kepada mazhab jumhur. Sekalipun begitu, beliau tidaklah fanatik, kerana mazhab yang lain juga dijelaskan. Dan dalam melakukan tarjih, beliau menjelaskan secara jelas dengan menggunakan dalil-dalil sama ada naqliyah ataupun akliyah.

Sebagai contoh ialah perbahasan tentang jumlah mahar. Beliau menukil pandangan Shafi`ī dan Imam Aḥmad yang mengatakan bahawa setiap benda yang mempunyai harga boleh menjadi mahar, dan menurut beliau pula pendapatnya sama dengan pandangan jumhur ulama dan ahli ḥadīth. Selepas itu, al-Şābūnī juga menukil pandangan Imam Mālik dan Abū Ḥanīfah yang mengatakan bahawa kadar mahar sama dengan kadar minimum batas pencurian, sehingga seseorang itu layak dipotong tangannya. Ertinya, menurut mereka, mahar harus dari harta yang jelas harganya. Dan mereka pun berhujah dengan hadīth Nabi, tetapi menurut al-Şābūnī ḥadīthnya *matrūk*.

---

<sup>77</sup> Munawir Syadzali (1990), *Islam dan Tata Negara*, Jakarta; UI Press, h. 74.

Kemudian al-Ṣābūnī melakukan tarjīḥ, dan menulis:

"Pandangan saya bahawa pendapat Imam al-Shafi'ī dan Imam Aḥmad adalah lebih unggul, kerana ada seseorang sahabat yang berkahwin di mana maharnya adalah hafazan al-Quran. Kemudian Nabi pernah berkata kepada seseorang: 'Gunakanlah walau sekadar cincin dari besi'. Ada juga seorang pemimpin tabi'īn, Saī'd bin Musayyib pernah mengahwinkan anak perempuannya dengan dua dirham. Sebenarnya dalam jumlah paling sedikitnya mahar, dalam ḥadīth Nabi tidak dijelaskan, *wallahu a'lam*"<sup>78</sup>

### 3.12 Penutup

Daripada semua perkara yang dijelaskan di atas, pengkaji dapat merumuskan beberapa kesimpulan berkaitan *Kitāb Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān* karya Muḥammad `Alī al Ṣābūnī ini. *Pertama*, metode tafsir yang digunakan penulis ini adalah *mawḍu'i* iaitu satu metode tafsir yang mengumpulkan ayat-ayat al-Quran yang mempunyai tujuan yang satu, yang bersama-sama membincang tajuk tertentu sesuai dengan sebab-sebab turunnya, kemudian memperhatikan ayat-ayat tersebut dengan penjelasan-penjelasan, dan hubungannya dengan ayat-ayat lain, kemudian mengistinbatkan sebuah hukum.<sup>79</sup>

*Kedua*, dilihat dari sumber pentafsirannya, tafsir ini dapat dikategorikan *Tafsīr bi al-Ma'thūr*.<sup>80</sup> Kerana hampir semua ayat al-Quran, beliau mentafsirkan menggunakan al-Quran, ḥadīth Rasulullah, *qawl* sahabat, dan Ijmak Ulama. *Ketiga*, dilihat dari metode analisisnya, tafsir ini tidak bersifat *ijma'i*, tapi *tafsili* (terperinci). Hal ini dibuktikan dengan sepuluh metode pentafsiran yang diguna pakai penulis. *Keempat*, tafsir ini juga menggunakan pendekatan tekstual. Pendekatan tekstual adalah sebuah pendekatan studi al-

---

<sup>78</sup> Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī (1990), *op.cit*, h. 453-454.

<sup>79</sup> `Alī Ḥasan al-`Ardī (1992), *Sejarah dan Metodologi Tafsir*, Jakarta: Rajawali Press, h. 78.

<sup>80</sup> Pendekatan ini adalah yang terbaik dalam metode pentafsiran al-Quran. Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī, Dr. (1421 H/2000 M), *Al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*, Bayrūt-Lubnan: Dār al-Yusūf, j.2, h. 163. Mannā' al-Qattān (1421 H/2000 M), *Mabāḥith fī `Ulūm al-Qur'ān*, Bayrūt-Lubnan: Mu`assasah al-

Quran yang menjadikan lafaz-lafaz al-Quran sebagai objek. Pendekatan ini menekankan analisisnya pada sisi kebahasaan dalam memahami al-Quran.<sup>81</sup>

---

<sup>81</sup> Menurut Salāh al-Khālidi bahwa mengetahui selok belok bahasa Arab – ilmu Nahu, Saraf, I’rab, Balaghah, Bayan, Ma’ani Kalimat dan Taṣrif Arab – adalah satu keperluan yang sangat mustahak bagi seorang pentafsir al-Quran, agar tafsiran yang dilakukan bertepatan dengan kehendak al-Quran. Lihat Dr. Salāh al-Khālidi (1423 H/2002 M), *Ta’rīf al-Dāriṣīn bi Manāhij al-Mufasssiriṅ*, Ḍamshiq: Dār al-Qalam, h. 75.

